



قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 17

RABU 27HB APRIL, 1983.

رابع 14 رجب 1403

PERCUMA



Penerangan, Awang Haji Badaruddin menyampaikan kepada penduduk-penduduk mukim Sungai Kebun.

is dan penduduk:

PERDANA MENTERI JEPUN LAWAT BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Yasuhiro Nakasone dijadualkan tiba di sini untuk lawatan singkat tapi rasmi pada 10hb. Mei depan.

Ini telah diumumkan oleh pejabat Kementerian Hal-Ehwal Jepun baru-baru ini. TYT Nakasone yang mula memikul tanggungjawab selaku Perdana Menteri bagi kira-kira 120 juta rakyat Jepun sejak bulan Nobember tahun lalu adalah merupakan seorang negarawan Jepun yang julung-julung kalinya melawat negeri ini.

Perdana Menteri akan disertai oleh Menteri Luar Jepun, Mr. Shintaro Abe dan Timbalan Ketua

Setiausaha Kabinet, Mr. Takao Fujunami yang akan bertindak selaku jurucakap rasmi beliau di samping beberapa orang menteri kabinet yang lain.

Dalam satu sidang akhbar dengan wartawan wartawan akhbar terkemuka dari negara-negara rantau Asia Tenggara dan juga Brunei yang berlangsung di kediaman rasmi beliau di Tokyo baru-baru ini, TYT Nakasone menjelaskan yang lawatan ke Brunei adalah bagi mengakhiri kunjungannya ke negara-negara Asia Tenggara.

Dalam sidang yang berjalan hampir satu jam itu Perdana Menteri yang berusia 64 tahun menjelaskan lawatan se-

demikian adalah bertujuan bagi mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin di negara-negara berkenaan di samping bersua muka dengan penduduk setempat.

Dalam ucapan pendahuluan beliau di sidang yang dianjurkan oleh Bahagian Akhbar Luar Kementerian Hal-Ehwal Luar Jepun tersebut TYT Nakasone mensifatkan Asia Tenggara adalah rantau yang paling beruntung kerana dapat menikmati kemajuan ekonomi yang paling tinggi di dunia sungguhpun terdapat kemelesetan ekonomi di sana-sini ketika ini.

Katanya kerajaan Jepun akan melipatgandakan usaha kerjasama terutama di bidang ekonomi, kebudayaan dan Sains dan



TYT Yasuhiro Nakasone

Teknologi demi kepentingan dan kemakmuran rantau Asia.

Melalui pertemuan-pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negeri-negeri Tenggara Asia dan Brunei, Perdana Menteri optimis hubungan kerjasama yang erat dan bermakna akan dapat dicapai.

Lihat muka 8

BUKAN UKURAN KEPERLUAN KITA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Adalah tidak mengukur keperluan rakyatnya berdasarkan saiz keluasan yang kecil dan penduduknya sedikit. Sebab walaupun kecil sebuah negeri yang maknanya politiknya akan sebuah negara

yang tunggal yang mempunyai keperluan biasa bagi sesebuah negara.

Kenyataan ini dibuat oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berikutan dengan anggapan setengah-setengah orang bahawa Brunei mempunyai keperluan yang sangat kecil dan sedikit maka dengan itu dikatakan adalah mudah untuk menjalankan pemerintahannya.

Meneliti akan kedudukan tersebut, Pengarah Penerangan itu mengingatkan orang ramai supaya tidak

terkeliru dalam mengukur serta memikirkan keperluan negeri ini.

"Jangan menganggap kerana negeri ini kecil dan penduduknya sedikit maka ia mudah diperintah sehingga tanggungjawab dan pekerjaan dalam urusan kerajaan diperkecil-kecilkan dan dipermudah-mudahkan," kata Awang Haji Badaruddin.

"Dan lebih penting lagi kita jangan memperkecil-kecilkan keperluan kita sebagai rakyat dan penduduk dalam sebuah negara," tegasnya.

Awang Haji Badaruddin telah bercakap kepada

sekumpulan 48 orang penduduk Mukim Sungai Kebun yang menghadiri majlis Taklimat di Bahagian Penerangan hari Khamis lalu. Terdahulu daripada itu beliau menjelaskan bahawa memang Brunei sebuah negeri yang kecil dan penduduknya tidak ramai. Keluasan serta bilangan penduduk Brunei hampir sebanding dengan keluasan dan penduduk di setengah-setengah wilayah atau daerah di negeri-negeri yang besar.

"Tapi orang jangan lupa bahawa satu-satu wilayah atau daerah yang hampir sama luasnya dengan Brunei itu adalah bertaraf

wilayah atau daerah dengan penduduk-penduduknya adalah sebahagian daripada penduduk negara yang mempunyai beberapa wilayah dan daerah," jelas Pengarah Penerangan.

"Sementara Brunei pula sekalipun kecil tetapi ia adalah sebuah negeri yang tunggal dan rakyatnya yang sedikit bilangannya adalah merupakan bangsa bagi negara yang tunggal itu," tambahnya lagi.

Kerana itu, menurut Awang Haji Badaruddin, keperluan Brunei dan penduduknya adalah keperluan biasa sesebuah

Lihat Muka 20

MANISNYA IMAN

"SIAPA yang menzalimi orang zimmi — (orang yang bukan Islam yang bernaung di bawah pemerintahan Islam) maka sayalah lawannya." — HADIS Nabi riwayat Abu Daud.

Harga daging turun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak Pengawal Harga di sini mengumumkan bahawa harga daging-daging lembu dan kerbau yang diimport dari Australia telah diturunkan bagi semua pasaran di negeri ini mulai hari Khamis 21hb April lepas.

Harga-harga yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap sekati adalah seperti berikut: Isi manis/panjang \$7.00, Isi lain \$6.00, Tulang Sirik \$2.50, Tulang lain \$1.50, Hati \$8.00, Hati kura \$4.00, Hati buyah \$4.50, Jantung \$5.00, Berubut \$1.50, Ekor \$2.50, sementara lidah \$4.50 satu dan buah pinggang \$1.50 sebiji.



27HB. APRIL, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEPERLUAN NEGARA:

JANGAN MEMPERKECIL-KECILKAN KEPERLUAN SEBAGAI SEBUAH NEGARA DAN SEBAGAI SATU NEGARA

Perkara keperluan Brunei sebagai sebuah negara dan rakyatnya sebagai satu bangsa telah diperkatakan baru-baru ini. Sais negeri ini yang kecil dan bilangan penduduknya yang sedikit tidak bererti keperluannya juga kecil dan kurang.

Setengah orang beranggapan bahawa kerana Brunei negara kecil dan penduduknya sedikit maka semua keperluannya sebagai sebuah negara adalah juga kecil dan sedikit. Mungkin anggapan sedemikian itu ada juga benarnya dalam ertikata sais keperluan — bukan dari segi jumlah bilangan serta keutamaan-keutamaan yang diperlukan

sebagai sebuah negara. Tetapi adalah salah sama sekali jika anggapan sedemikian itu juga bererti memperkecil-kecilkan keperluan sebenar negeri ini dan juga penduduknya apa lagi kalau sampai ada yang mempermudah-mudahkan tugas dan urusan pemerintahan.

Kedudukan Brunei yang kecil mestilah dilihat dari sudut yang sebenarnya. Ia adalah sebuah negeri yang dalam makna politiknya adalah sebuah negara. Ia berbeza dari mana-mana wilayah atau daerah dalam sesebuah negeri yang besar. Wilayah atau daerah yang sedemikian itu sekalipun sama keluasan atau mungkin lebih luas daripada negeri Brunei namun yang sudah nyata ia adalah bertaraf wilayah atau daerah maka keperluan kawasan-kawasan yang menyerupai keluasan dengan keluasan Brunei dan bilangan penduduknya dengan penduduk Brunei itu sudah pasti tidak sama keperluannya dengan keperluan Brunei sebagai sebuah negara yang tunggal dan penduduknya sebagai satu bangsa. Keperluan-keperluan wilayah atau daerah dalam sesebuah negara yang lain dapat dihadkan kepada peringkat keperluan biasa sesebuah wilayah atau daerah di mana keperluan-keperluannya yang lebih besar di peringkat kebangsaan boleh dibekalkan atau dipenuhi oleh kerajaan sama ada di peringkat negeri atau di peringkat pusat. Bagi Brunei sebagai sebuah negara yang tunggal ia terpaksa memenuhi semua keperluannya dengan mendapatkannya dari sumber-sumber yang boleh diperolehi. Maka dengan itu tidaklah tepat untuk mengangap keperluan sebagai sebuah negara itu kecil dan sedikit apa lagi berfikir dengan mempermudah-mudahkan urusan pemerintahan.

Hakikat Brunei sebagai sebuah negara dan rakyatnya sebagai satu bangsa ini mustahak sentiasa diketahui

dengan jelas. Kesedaran mengenainya sangat terutama sekali di peringkat orang ramai mengenainya boleh mengkaburi bukan sahaja dan status Kerajaan bahkan juga fungsi dan jawabnya. Kerana itulah kita berpendapat semua yang berkenaan patut sentiasa berusaha hakikat ini menerusi berbagai-bagai kesedaran munasabah.

Keperluan-keperluan Brunei dalam berbagai-mestilah dilihat dari segi keperluan biasa sebagai negara yang tunggal. Dari segi pertahanan umpamanya sekalipun kecil ia sudah tentunya memerlukan pertahanan bagi melindungi keselamatannya dalam perkara ekonomi, pelajaran, kesejahteraan sebagainya — Brunei dan penduduknya sudah memerlukan perancangan dan kegiatan ekonomi dan kemasyarakatan dalam ertikata yang dipaparkan sesebuah negara dan sesuatu bangsa. Tentulah memenuhi keperluan yang sedemikian itu tidaklah mudah maka tidaklah wajar bagi sesiapa untuk mengabaikan tugas dan tanggungjawab Kerajaan dalam perkara ini. Anggapan dan pemertahanan yang mempermudah-mudahkan pemerintahan untuk memperkecilkan-kecilkan keperluan negara itu tidak dibetulkan. Ia boleh menimbulkan semacam tidak berapa hirau akan kepentingan sebenar dengan itu mempersukar usaha bagi membangkitkan kesedaran yang tinggi di kalangan dan penduduk bagi menyayangi negaranya. Maka tanda apa lagi kecenderungan yang menuju ke arah berbahaya sedemikian itu mestilah di atasi.

KETINGGIAN TEKNOLOGI KEKALKAN KEMEWAHAN MASA DEPAN

Seperti mana yang kita semua ketahui Negeri Brunei Darussalam yang tercinta ini ialah sebuah negeri yang kecil dengan bilangan penduduknya kurang lebih 200,000 orang. Tetapi dengan penghasilan minyak dan gasnya yang lumayan, rakyat dan penduduk negeri ini telah dan sedang menikmati satu peringkat kemewahan yang tinggi dan nyata, jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Selain daripada itu, disebabkan oleh kelebihan-kelebihan pendapatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dibandingkan dengan perbelanjaan untuk pentadbiran, pertahanan dan keselamatan dan kemajuan, Negeri ini telah pun, khususnya sejak tahun 1974, berjaya menambah wang simpanannya di luar negeri kepada satu jumlah yang meningkat lagi mengagumkan. Pendek kata, kemewahan kita dan kekekuan ekonomi negara kita, pada bahagian besarnya, adalah berasaskan kepada pengeluaran minyak dan gas.

Tetapi tidaklah payah saya berpanjang lebar pada menerangkan bahawa pengeluaran minyak dan gas itu ada hadnya dan oleh hal yang sedemikian kemewahan yang kita semua nikmati pada ketika ini juga mempunyai hadnya kalau ia semata-mata diasaskan kepada hasil-hasil galian yang terhad jumlah dan umurnya. Saya kira hakikat dan kenyataan ini sudah lama disedari oleh kita semua. Tetapi apa yang kurang jelas dan nyata ialah sama ada kita mempunyai sumber-sumber kekayaan yang lain dan sama ada sumber-sumber kekayaan yang sedemikian apabila ia sudah dihadkan kelak akan mencukupi sebagai asas ganti kepada kemewahan yang kita semua nikmati sejak bertahun-tahun yang lalu?

Pada masa ini Negeri Brunei Darussalam yang kita semua

sayangi ini mempunyai sumber-sumber kekayaan yang tertentu seperti tanah untuk berladang dan bertani, galian-galian lain seperti pasir silica, kayu kayan dan sumber-sumber perikanan yang mana boleh dikatakan kesemuanya itu belum lagi dimajukkan ketahap potential yang ada padanya. Saya tidak berhasrat untuk menyentuh tentang 'timing' sumber-sumber kekayaan itu diusahakan menurut potential commercialnya apatah lagi di majlis yang serupa ini. Saya percaya dan yakin bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mempunyai planning horizonnya sendiri. Tetapi apa yang patut kita semua persoalkan ialah sama ada sumber-sumber kekayaan yang lain itu akan mencukupi sebagai asas ganti kepada kemewahan yang kini dan bagi bertahun-tahun yang lalu kita sudah menikmati biar apa pun "Planning horizon" Kerajaan mengenainya yang ada pada masa ini?

Saya bukanlah seorang yang bersikap "alarmist" dan sesungguhnya bukanlah hajat saya untuk mengadakan satu "scenario" yang bukan-bukan. Tetapi sebaliknya saya juga bukan seorang yang senang dengan "wishful thinking" yang sentiasa bersifat optimist yang bukan-bukan, seorang manusia yang membuat ramalan tentang masa depan kita dengan kalimah: Ah tidak apa, kita masih lagi mempunyai sumber-sumber kekayaan yang lain — semuanya akan terjamin, beres! Tetapi biar apa pun hakikat yang sebenarnya tidaklah akan menjadi mudarat kepada kita kalau kita sentiasa berpegang kepada sikap yang realistis, apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "to be on the side of caution". Apatah lagi di dalam keadaan yang penuh mewah seperti sekarang.

Akan tetapi, sekiranya sumber-sumber kekayaan yang lain daripada minyak dan gas apabila ia diusahakan menurut potential ekonominya

kelak tidak mencukupi sebagai asas ganti kepada penghasilan minyak dan gas kepada kemewahan yang sudah menjadi kelaziman kepada kita, apakah kita mempunyai sumber kekayaan yang lain yang boleh menampung kekurangan yang mungkin ada pada masa yang akan datang? Di dalam keadaan yang mewah seperti sekarang, di mana "planning horizon" kita sebagai orang perseorangan atau individu lebih berupa pendek (short term) daripada panjang (long term), tidaklah menghairankan jika kita kadangkala lupa bahawa sumber kekayaan yang sebenarnya, (iaitu sumber-sumber selain daripada galian, kayu balak, tanaman dan ikan di sungai dan di laut) itu berada di dalam rumah kita sendiri dan di bangku sekolah-sekolah ini — iaitu anak-anak kita sendiri.

Bahawasanya anak-anak kita perlu diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna ke arah matlamat-matlamat yang kita harapkan untuk masa depan yang lebar mengenainya, apatah lagi di hadapan majlis yang seperti ini. Saya kira tema mesyuarat yang akan diadakan pada pagi ini iaitu: "Pendidikan Benteng Kemerdekaan" sudah mencerminkan kesedaran Cikgu-Cikgu sekalian tentang hakikat ini. Soalnya sekarang ialah: menyedari akan hakikat bahawa pendidikan itu sesungguhnya benteng kemerdekaan apakah matlamat yang penting kita tuju agar anak-anak kita yang akan lahir atau sudah lahir, yang masih berada di rumah atau pun yang sudah berada di bangku sekolah akan menjadi sumber kekayaan sebagai asas kemewahan yang sudah menjadi kelaziman kepada kita, bagi masa-masa yang akan datang?

Masalah ini adalah satu perkara yang tidak putus-putus direnung dan diperbincangkan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan khususnya di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran.

Apatah lagi di dalam konteks titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri di dalam mana Baginda telah menitahkan supaya usaha-usaha dipergiatkan untuk menyalurkan lebih banyak lagi penuntut-penuntut di negeri ini kepada mata pelajaran kira-kira dan sains di dalam pengajian mereka. Maka hasil daripada perbincangan-perbincangan yang seringkali diadakan satu kesimpulan telah dibuat iaitu: di dalam konteks keadaan negeri Brunei yang ada sekarang di mana kemewahan masa depan hanya akan dapat dipertahankan dengan kemajuan sosioekonomi yang berasaskan dan bersendikan "high technology" kita tiada pilihan lain tetapi "to try to catch up with the twentieth century". Tegasnya menyedari akan hakikat dan kenyataan bahawasanya asas technology di negeri ini belum lagi mencukupi untuk "repair economy" apatah lagi bagi kemajuan sosioekonomi yang berasas dan bersendikan "high technology" maka kita tiada pilihan lain selain daripada berusaha dengan gigih lagi dedikasi untuk meluaskan dan mendalamkan asas technology di negeri ini menerusi rancangan-rancangan pendidikan dan latihan yang tertentu dengan seberapa segera yang boleh.

Selain daripada penubuhan Institut Teknologi Brunei yang sudah diluluskan oleh Kerajaan yang mana perlaksanaannya sedang dirancang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melalui Jabatan Pelajaran juga telah mengambil langkah-langkah penting yang lain seperti mengadakan kurikulum baru bagi sekolah-sekolah rendah yang menitikberatkan 3 M serta menitikberatkan pelajaran-pelajaran sains dan kira-kira di sekolah-sekolah menengah. Di

Berikut ialah ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran Awang Selamat bin Munap di Majlis Pembukaan Mesyuarat Agong Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Brunei kali ke-33 yang telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah Gadong.

sekolah-sekolah teknikal dan vokasional pula Jabatan Pelajaran baru-baru ini menambah kursus-kursus yang boleh diikuti oleh penuntut-penuntut yang berkecenderungan terhadapnya. Selain daripada itu baru-baru ini juga Jabatan Pelajaran telah mengadakan bahagian ECA dan antara kegiatan-kegiatan penting yang mula dilaksanakan, atas kerjasama dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, ialah rancangan "Computer Appreciation" bagi sekolah-sekolah menengah yang mana diharapkan bukan sahaja akan mendedahkan penuntut-penuntut kepada faedah dan kegunaan computer, bahkan akan mendorong mereka kepada "computer technology" yang sungguh banyak kesannya kepada perkembangan sosioekonomi antarabangsa pada masa ini. Jabatan Pelajaran juga kini sedang meniasat kemungkinan untuk menyesuaikan konsep pelajaran dewasa kepada konsep pelajaran lanjutan yang lebih menitikberatkan peranan teknologi di kalangan rakyat jelata.

Setakat ini saya, selaku Pemangku Pengarah Pelajaran, adalah berpuashati tentang kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran termasuk guru-guru di sekolah-sekolah sekalian. Tetapi walau bagaimanapun di dalam konteks perlunya kita bersama-sama melipatgandakan usaha kita untuk menyesuaikan diri kita dan anak-anak kita dengan abad ke-20 dari segi perkembangan teknologi yang benar-benar berguna kepada negara kita saya sekali lagi berseru kepada para guru untuk sentiasa mempertahankan dan mengekalkan "commitment" mereka kepada kemajuan pendidikan yang tidak kendur-kendur untuk kepentingan negara, sesuai dengan tema mesyuarat ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melalui Jabatan Pelajaran akan sentiasa berusaha untuk mengadakan "environment" yang lebih menggalakkan di dalam mana para guru boleh menyumbangkan tenaga, masa dan titik peluh mereka kepada

matlamat-matlamat jati. Selain daripada peluang-peluang ini, guru yang layak akan diberikan kelayakan-kelayakan sesuai dengan keperluan Jabatan Pelajaran. Bahagian ECA akan berusaha membangunkan konsep "mucun" di semua masuk di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk pegawai-pegawai yang, antara lain, akan ditugaskan para guru sebagai masyarakat di kampung-kampung dahulu kala. Semuanya adalah diharapkan guru akan sentiasa dan memperkembangkan paduan mereka dengan setia kepada Sultan yang tidak berbelah menurut pengajaran-perpustakaan dari pada mengasingkan diri sendiri.

Akhir kata, semoga seikhlas-ikhlasnya tahiah kepada langkah-langkah yang mengistiharkan GMB yang difahamkan pengistiharan yang julung-julung diadakan. Kita sememangnya berharap dan mengharapkan material ataupun usaha-usaha kita. Dan sehingga kita nafas kita yang belumlah lagi pengajaran-gajaran harap dan cita-cita mendatang kepada jika ada sedikit perantara masyarakat yang kita syukurihkan kata pepatah yang meninggalkan hati meninggalkan Sekianlah dan ucapkan terima kasih Wabillahi Taufik

HUTAN SATU SUMBER NEGARA

OLEH: MUHAJIMIN HJ. MUHAMMAD

HUTAN boleh menjadi satu sumber negara yang penting bukan saja dari segi hasil pengeluarannya tetapi dari segi alam sekitarnya. Penilaian pada hutan selalunya berpandang dari hasil yang dihasilkan, tetapi ini adalah pandangan yang sempit sahaja, malahan sumbuhan hutan ke atas alam sekeliling adalah melebihi hasil-hasil pengeluaran balak.

persidangan FAO dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, wakil dari Sepanyol meminta supaya FAO mengusulkan bagi diadakan Hari Kehutanan Sedunia yang mana perkara tersebut telah pun mendapat sokongan yang penuh.

Hasil dari persetujuan tersebut Hari Kehutanan Sedunia yang pertama telah diadakan pada 21hb.

Sedunia pada tahun pertama dan tahun-tahun berikutnya, ini adalah disebabkan oleh satu-satu perkara yang tidak dapat dielakkan.


Tetapi syukur Alhamdulillah, pada hari Ahad, 21hb. Mac, lepas, Jabatan Kehutanan Brunei, dapat merayakan hari tersebut

kayu di tempat-tempat yang tertentu dan perkara tersebut akan dipergiatkan lagi di tahun-tahun yang akan datang jelasnya.

Beliau berharap supaya kita akan sama-sama menjaga dan memelihara hutan-hutan di negeri ini daripada musnah disebabkan oleh kecuaiannya kita sendiri, kerana beribu-ribu ekar hutan telah pun rosak kerana ditebang-tebas untuk 'tanaman pindahan' yang telah dilakukan oleh orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman seperti di Ulu Tutong, Ulu Belait, kawasan daerah Temburong dan juga di sepanjang jalan Tutong-Seria, Sungai Liang-Labi dan Lamunin.

Memang benar tampaknya, hutan-hutan di negeri ini maseh lagi luas untuk mengusahakan pertanian tetapi tidaklah dengan tiada menurut peraturan dan dengan sewenang-wenangnya merimba mengikut kehendak hati.

"Kita harus sedar dan mengetahui bahawa sebatang kayu balak mengambil masa enam puluh hingga lapan puluh tahun untuk mendapatkan hasilnya. Kalaupun tebasan dan merimba hutan-hutan yang ada pada masa ini dibiarkan, saya berkeyakinan dalam masa lebih kurang dua puluh ataupun tiga puluh tahun kalau sekiranya tidak ada usaha untuk memelihara dan memulihkan hutan di negeri ini,



Kebakaran adalah salah satu faktor yang menjejaskan keadaan hutan-hutan di negeri ini.

berkemungkinan Brunei akan menjadi 'padang jarak padang tekukur', tegas Awang Haji Mahari.

Awang Haji Mahari memberitahu bahawa pada masa ini telah nampak dan dirasai sukar dan terlalu jauh untuk mendapatkan hasil-hasil hutan. Umpamanya, di daerah Temburong, penduduk-penduduk rumah panjang memohon supaya kawasan-kawasan hutan yang berdekatan dengan tempat-tempat mereka tinggal untuk digunakan bagi keperluan penduduk-penduduk di situ pada masa-masa yang akan datang, begitu juga dengan penduduk-penduduk di daerah Brunei-Muara, mereka terpaksa mengambil kayu sauma di Jerudong, sementara itu penduduk-penduduk di Kuala Belait mengambil kayu di Sungai

Liang untuk membina teratak perkahwinan dan orang-orang di Kg. Labi pula mengambil kayu di Bukit Puan bagi maksud yang sama. Manakala bagi penduduk-penduduk di sekitar daerah Tutong memohon untuk mengambil kayu bagi keperluan mereka sendiri dari hutan-hutan simpan.

Beliau menggesa kepada seluruh penduduk-penduduk di negeri ini supaya akan dapat bekerjasama dengan Jabatan Kehutanan dalam memelihara dan mengusahakan supaya kawasan-kawasan hutan dapat digunakan dengan cara-cara yang tertentu di samping mengekalkan hutan-hutan di negeri ini untuk generasi yang akan datang, bukan sahaja sebagai sumber kekayaan negara tetapi juga bagi mencantekkan negeri ini.

Pokok-pokok kayu ditanam dalam usaha untuk memulihkan semula keadaan hutan.

Brunei adalah sebuah negeri yang beruntung kerana lebih kurang 80% dari negeri ini maseh lagi ditutupi oleh hutan asal yang kaya dengan berbagai jenis kayu-kayan. Kawasan hutan yang menghijau terbentang luas di merata negeri ini meliputi keluasan 1,678 batu persegi.

Mac, 1972, di seluruh dunia terutama sekali di Benua Eropah dan selepas itu diadakan pada tiap-tiap tahun pada tanggal tersebut, ini memandangkan pada hari itu adalah hari pertama bagi musim bunga (spring) di sebelah Utara dan musim buah (autumn) di sebelah Selatan.

yang bertepatan 'Hutan Sumber Kekayaan Negara, bersama dengan negara-negara lain di seluruh dunia dengan melakukan tanaman pokok-pokok

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sempena menyambut Hari Kehutanan Sedunia ialah menanam pokok-pokok kayu, pengeluaran setem-setem khas, ceramah-ceramah mengenai kehutanan, mengadakan lawatan-lawatan ke pusat-pusat dan perusahaan kayu-kayan, pameran hasil-hasil ataupun kerja-kerja kehutanan, sukan kecil dan sebagainya.

Awang Haji Mahari bin Haji Mohd. Said, Pemelihara Hutan Brunei, berkata bahawa negeri kita tidaklah dapat menyambut Hari Kehutanan



Pokok-pokok bunga ditanam di sepanjang jalan raya dalam usaha bagi mencantikkan lagi kawasan bandar.

Timbulnya kesedaran untuk mengadakan 'Hari Kehutanan Sedunia' yang pertama pada 21hb. Mac, adalah atas inisiatif anggota-anggota pertubuhan lapan belas buah negara-negara Eropah iaitu 'European Confederation of Agriculture' (ECA) yang menyokong penuh supaya diadakan Hari Kehutanan Sedunia dalam persidangan yang telah diadakan di Sepanyol (Spain) pada bulan Oktober tahun 1971.

Manakala dalam bulan November pada tahun yang sama di Rome dalam

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....

Perkara makroh ke atas orang yang berhadhas besar

BERSUCI

Siri ke 180
(Sambungan)

1. Makruh bagi orang yang di dalam keadaan berjunub itu makan, minum, tidur dan bersetubuh sebelum membasuh faraj dan berwuduk kerana di dalam Hadis ada menyebutkan larangan mengerjakan perkara-perkara itu. Dengan yang demikian juga bererti kita mengikut per-

buatan Nabi kita (Sallallahu 'Alaihi Wasallam) dalam perkara makan, tidur dan bersetubuh itu. Adapun hukum makruh pada perkara minum itu ia di-kiaskan oleh ulama dengan hukum pada perkara makan. Jika ia tiada memperoleh air maka ia hendaklah bertayammum se-

bagai ganti berwuduk itu.

Pokok perbuatan sunat di sini ialah dengan membasuh faraj sama ada lelaki dan perempuan dengan tiada berwuduk, yakni hilang makruh itu apabila dibasuh faraj itu begitu juga makruh membaca sesuatu zikrullah sebelum mem-

basuh faraj dan berwuduk.

2. Makruh bagi perempuan yang sudah berhenti haid dan nifas mengerjakan perkara-perkara yang disebutkan dalam perkara-perkara makruh yang dikerjakan oleh orang yang dalam keadaan berjunub sebagaimana yang disebutkan tadi,

bahkan kedua-duanya itu lebih aila (lebih utama) menjauhi perkara-perkara yang makruh itu.

3. Demikianlah setengah-tengah hukum mandi hadas dan mandi sunat yang selalu berlaku dan patut diamalkan oleh orang yang berminat supaya amal ibadatnya sah dan berharap-

YDM Pehin Maharaja Datu Seri Haji Ismail bin Aziz.

harap agar amalnya itu diterima Allah Taala.

WALLAHU ALIYU (Bersambung)

Ceramah Perubatan untuk bakal2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Adalah dimaklumkan kepada bakal-bakal haji bahawa ceramah-ceramah mengenai perubatan yang akan diberikan oleh pegawai-pegawai perubatan akan diadakan pada tarikh-tarikh berikut:—

Pada 29hb. April, 1983 mulai jam 8.30 pagi bagi bakal-bakal haji yang berkursus di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei akan diadakan di dewan maktab tersebut untuk bahagian lelaki. Manakala bahagian perempuan akan diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½ Jalan Tutong, Brunei.

Pada 1hb. Mei, 1983 mulai jam 8.30 pagi ceramah-ceramah akan diadakan di tempat-tempat seperti berikut:—

i) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Ugama Sengkuring akan diadakan di Dewan

Sekolah Melayu Sengkuring.

ii) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkihah, Kampong Serusop iaitu bahagian perempuan akan diadakan di dewan sekolah tersebut. Sementara bahagian lelaki pula akan diadakan di Masjid Mohammad Bolkihah, Serusop.

iii) Bakal-bakal haji berkursus di sekolah Ugama Perpindahan, Berakas akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas.

iv) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Ugama Kampung Bunut akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Bunut, Brunei.

v) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Melayu Dato Gandi akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Pintu Malim, Brunei.

vi) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Persediaan Inggeris Datu Godam, Kampung Sungai Kedayan iaitu bahagian perempuan akan diadakan di Dewan sekolah tersebut. Manakala bahagian lelaki pula akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Pengiran Digadong Haji Mohd. Salleh, Kampung Sungai Kedayan.

vii) Bakal-bakal haji yang berkursus di Sekolah Ugama Serasa, Muara akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Omar Ali Saifuddin, Muara.

ix) Bagi bakal-bakal haji yang berkursus di sekolah-sekolah yang tidak disebutkan dalam pengumuman ini, mereka dikehendaki datang ke sekolah-sekolah tempat mereka berkursus seperti biasa pada 1hb. Mei, 1983 mulai jam 8.30 pagi.

Ikuti Kursus

BERAKAS. — Dua orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah berlepas ke Singapura pada hari Isnin lepas bagi menjalani satu latihan penempatan di Ke Menterian Hal Ehwal Luar Negeri Singapura selama lebih kurang lima minggu.

Mereka ialah Pengiran Sahari bin Pengiran Salleh, Pegawai Pentadbir dan Dayangku Hajjah bte Pengiran Haji Matarsat, Pegawai Penyelidik di jabatan tersebut.

Sementara itu dua orang kerani maklumat penerbangan dari Jabatan Penerbangan Awam juga telah berlepas ke Singapura pada 18hb. April, lepas.

Dayang Afidah bte Abdullah @ Florence Freddy Ebert dan Dayang Mariam bte Abd Hamid, kedua-dua mereka mengikuti latihan penempatan amali di Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Changi, selama lebih kurang tiga minggu.

AMDB pilih dua orang wakil

TUTONG KEM. — Pertandingan membaca Al-Quran peringkat pasukan AMDB telah berlangsung di sini pada malam Jumaat lepas. Johan dan naib johan dalam pertandingan tersebut akan mewakili pasukan tersebut ke pertandingan membaca Al-Quran bagi kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang berpakaian seragam tidak lama lagi.

Seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Yang Berhormat Awang Haji Jili bin Ibrahim telah menjadi tetamu kehormat di majlis itu.

Seramai sepuluh orang peserta termasuk lima wanita dari berbagai bahagian pasukan tersebut telah mengambil bahagian. S. Sgt Haji Abd. Rahman bin Haji Mohammad Salleh dari Pusat Latihan dan S. Sgt Haji Shamsudin bin Haji Mohammad dari Batalion Ke-2 telah terpilih untuk mewakili pasukan tersebut.

Majlis pertandingan malam itu telah diserikan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid Batalion Ke-2.

Pertandingan membaca Quran dan syarahan

TEMBURONG. — Pertandingan membaca Al-Quran dan syarahan bagi murid-murid sekolah-sekolah agama di daerah ini telah berlangsung hari Jumaat lepas di sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkihah, Pekan Bangar.

Seramai enam peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan membaca Al-Quran, tiga darinya peserta perempuan. Bahagian lelaki telah dimenangi oleh Awang Zulhalim bin Haji Rosman, tempat kedua Awang Sufri bin Hj Abidin dan ketiga Awang Jefri bin Osman.

Bahagian perempuan pula johan ialah Dayang Fatimah bte Haji Tengah, kedua Dayang Akhpar bte Haji Abd. Hamid dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Rosidah bte Haji Abidin.

Dalam peraduan

syarahan murid-murid lelaki johan telah disandang oleh Awang Abu Bakar bin Ahmad, naib johan Awang Mahari bin Ahmad dan tempat ketiga Awang Sahari bin Pandin. Syarahan bahagian perempuan pula tempat pertama dimenangi oleh Dayang Ummi Kalsum bte Sinjil, tempat kedua Dayang Aishah bte Jumaat dan ketiga Dayang Rogayah bte Haji Ahmad.

Pemenang pertama dan kedua dalam tiap-tiap bahagian akan mewakili daerah tersebut ke pertandingan peringkat suku akhir yang akan berlangsung di ibu negeri awal Mei depan.

Penolong Pegawai Daerah Temburong Ak. Md. Salleh bin Pg. Kamaluddin menjadi tetamu kehormat majlis tersebut yang mana di akhir majlis beliau telah menyampaikan hadiah-hadiah.

Turut hadir di majlis itu termasuklah Pegawai Pemerintah Batalion Ke-2 YDM Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt. Kolonel Awang Haji Hussin bin Ahmad dan lain-lain pegawai kanan pasukan.

Dua adik-beradik memeluk agama Islam

KG. RAMBAI. — Dua orang lagi puak Iban memeluk agama Islam baru-baru ini di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Naing anak Eleng di sini.

Dayang Jarak anak Eleng, 19 dan Awang Silu anak Eleng 17 kedua-duanya anak kepada tuan-rumah kini masing-masing dikenali sebagai Dayang Masrorina bte Abdullah dan Awang Masroni bin Abdullah.

Kedua adik-beradik itu melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Yusof bin Haji Kamis seorang pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Majlis itu telah dihadiri oleh Awang Haji Abd Mokti bin Md Daud, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama (Bahagian Dakwah dan Tabligh), Pemangku Kadi Daerah Tutong Awang Md Lazim bin Metali, beberapa orang pegawai kerajaan di daerah tersebut, saudara-mara yang diraikan dan penduduk kampung sekitarnya.

Zikir marhaban telah menyerikan majlis tersebut. Kehadiran serombongan saudara-saudara baru di daerah itu juga menambahkan lagi meriahnya majlis.

Tamat k... BANDAR SERI BEGAWAN. — Sek... orang bakal-haji... tahun ini Al... menamatkan mereka pada... lepas.

Penutupan... berlangsung... Melayu Dato... Daerah Brunei... Kursus tersebut... 19... mula pada 6hb... telah dikendalikan... pegawai-pegawai... tan Hal Ehwal Ug...

Pada hari Al... peserta kursus... mendengar satu... dari pegawai... Jabatan Perub... Kesihatan Brunei.

Peraduan Quran dan syarahan Sekolah2 Agama

BELAIT. — Quran dan Syarahan murid-murid Sekolah Ugama Belait telah diadakan hari Ahad lepas di Sekolah Ugama Seri Begawan Sultan Ali Saifuddin di...

Ianya dibuka... Pegawai Daerah... Awang Haji... Tudin, yang menyampaikan... kepada para... Seramai 12 orang telah...

bahagian, term... orang peserta per...

Pemenang per... kedua dalam... hari itu dijanj... mewakili ke per... separuh akhir p... Mei 1983 ini nam... Sementara itu... dingan yang sam... telah diadakan... Ugama Pengiran Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkihah, Kampong Serusop. Pertandingan Sekolah-sekolah Brunei IV ini... orang peserta... orang perempuan mengambil bah...

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 27hb April, 1983.

JANGAN PERCAYA BERITA2 BOHONG

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di masa akhir-akhir ini terdengar lagi kisah lama tentang semula, iaitu tentang risalah sesat yang bermula dari seorang hamba Allah yang bernama Syekh Ahmad dari Madinah, Saudi Arabia. Kisah itu semakin luas tersibar agak mengecohkan ramai orang Islam di negeri ini.

Antara lain kandungan risalah itu ialah: Menyebut bahawa Syekh Ahmad telah bermimpi di dalam mimpi puluh ribu orang meninggal dunia, tidak ada seorangpun yang mati beriman. Oleh itu ia mendesak orang-orang Islam supaya lekas-lekas membuat kebajikan, kerana hari kiamat hendak tiba, satu bintang akan terbit di langit. Sesudah itu pintu taubat akan ditutup, tulisan di dalam Al-Quran akan hilang dan matahari akan dekat di kepala (kalau tidak silap, pernah dalam tahun tujuh puluh dahulu, risalah seumpama ini ada menyebut bahawa kiamat akan terjadi pada tahun 1990), tetapi tahun yang disebut itu sekarang telah berlalu maka barangkali ia tidak disebut pula dalam risalah kali ini.)

Risalah itu seterusnya memberi amaran kepada orang-orang yang menerimanya supaya mencetak sebanyak 30 atau 20 helai untuk dibagikan kepada orang lain. Dalam masa dua minggu orang yang berbuat demikian itu akan

mendapat untung dan ber-bahagia. Tetapi sebaliknya sesiapa yang gagal berbuat demikian yakni tidak mengikut arahan tersebut maka orang itu akan ditimpa bahaya atau celaka.

Inilah nampaknya yang mengacau fikiran orang ramai. Sehingga banyak pertanyaan-pertanyaan dibuat kepada pihak berkenaan setakat ini. Setengah orang takut-takut kalau tidak menurut arahan menyebarkan 30 atau 20 helai risalah yang diterima itu, akan mendapat celaka. Kerana itu ada yang mengaku telah berbuat seperti mana yang disuruh oleh risalah itu.

Adalah dengan ini di-ingatkan kepada orang-orang Islam supaya jangan mempercayai atau terpengaruh dengan berita-berita bohong yang disebarkan oleh pendusta-pendusta seperti yang disebutkan ini. Ulama-ulama Islam telah memeriksa bahawa adapun orang yang dikatakan Syekh Ahmad, jurukunci makam Nabi Muhammad s.a.w. itu,



tidak ada orangnya. Sebutan Syekh Ahmad itu hanyalah rikaan semata-mata dari dajal-dajal sesat.

Maka oleh hal yang demikian, janganlah dilayan perkhawaran-perkhawaran dusta yang ingin menyesatkan orang-orang Islam itu.

Menurut fatwa pihak Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei bilangan (30) bertarikh 13hb. April 1978, bahawa beliau telah dengar perkara bohong seperti ini semenjak 50 (lima puluh) tahun yang lalu.

Maka berdasarkan ini,

orang-orang Islam hendaknya akan berpuas hati dengan penerangan yang ringkas ini, dan akan mengambil ingatan bahawa sebarang risalah atau sbaran yang seumpamanya yang tidak terang atau tidak diketahui dari mana sumbernya janganlah dipakai atau dipercayai, kerana kadang-kadang ianya sahaja dibuat atau disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang memang sengaja hendak merosakkan sendi-sendi kepercayaan yang betul umat Islam.

KUALA BELAIT. — Para belia diharapkan akan sentiasa mendamping diri dengan ajaran-ajaran Al-Quran di samping bergiat di berbagai bidang dalam berpersatuan.

Awang Ismail bin Apeng, Pengerusi Musabaqah Membaca Al-Quran Belia peringkat separuh akhir senegeri berkata, hanya dengan jalan itu sahaja para belia akan dapat mendekatkan diri kepada Allah dan menjadi amalan itu bekalan hidup di akhirat.

Musabaqah Membaca Al-Quran Belia dianjurkan bagi kali ketiga oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, sebagai salah satu acara Minggu Belia Daerah Belait, tahun ini.

Awang Ismail berkata bahawa antara lain tujuan musabaqah itu ialah untuk menyebarkan dakwah Islamiah di kalangan belia, menggalakkan belia mendampingi diri kepada ajaran-ajaran agama Islam, memupuk persaudaraan di kalangan belia melalui upacara keagamaan dan meningkatkan mutu pemba-

caan Al-Quran di kalangan mereka.

"Mudah-mudahan dengan adanya Musabaqah Membaca Al-Quran Belia dianjurkan dari masa kesemasa oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan ini akan mendapat penerimaan dan sambutan yang baik dari para belia di negeri ini, di mana dengan itu nanti akan lahir lebih ramai lagi para belia yang dapat diketengahkan hingga ke peringkat antarabangsa," jelas Awang Ismail.

Musabaqah peringkat separuh akhir senegeri yang berlangsung pagi Jumaat lalu di Dewan Kemasyarakatan di sini, telah disertai oleh seramai 16 orang qari dan qariah, di mana 10 orang qari dan qariah terbaik akan bertanding dalam peraduan Peringkat Akhir pertengahan bulan depan.

Musabaqah Al-Quran Belia juga diserikan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Nasyid Seksi Agama, Majlis Belia Daerah Belait dan Kumpulan Nasyid Persatuan Kebajikan Perempuan Belait.

FITNAH KESUKAAN MANUSIA JAHAT DAN TERKUTUK

Susunan

Ali bin Abd. Hamid

*Bingkisan
minggu
ini*

SATU-SATUNYA penyakit masyarakat yang amat buruk sekali ialah melakukan fitnah terhadap orang lain, fitnah-memfitnah ini biasanya timbul akibat adanya sifat dengki dan iri-hati terhadap orang lain yang menular di jiwa seseorang itu, dia tidak senang melihat seseorang yang memperoleh kebahagiaan dan tidak senang melihat seseorang yang memperoleh kejayaan dan dia tidak senang melihat orang lain melebihi dari dirinya.

Kerana ketidak-senangan itu lahiriah tujuan-tujuan jahat untuk mengaibkan seseorang itu dengan cara apa sekalipun, yang antaranya menimbulkan cerita-cerita palsu yang boleh menjatuhkan kemuliaan dan kehormatan orang itu. Tukang-tukang fitnah itu akan merasa gembira andainya cerita-cerita palsunya itu tersibar luas, serta diyakini pula kebenarannya orang lain.

Perbuatan fitnah-memfitnah bolehlah dikatakan sebagai satu ciri hidup manusia-manusia jahat dan terkutuk, satu riwayat mengenai dengan fitnah yang besar pernah berlaku terhadap keluarga Rasulullah s.a.w. selepas peperangan Al-Muraisi di tahun 6 hijrah, di mana Sayidatuna Aishah telah difitnahkan berlaku curang dengan seorang pengawal yang bernama Safwan ibnu Al-Mu'attal, cerita karut yang ditimbulkan itu tujuannya tidaklah lain melainkan kerana sakit hati terhadap Sayidatuna Aishah dan Baginda Rasulullah. Apa yang mereka lakukan itu berkesan sekali, sehingga mengakibatkan kekecehan dalam keluarga Baginda buat beberapa ketika sehinggalah kebenaran akhirnya diterangkan oleh turannya wahyu dari Allah s.w.t.

Dalam satu Hadis Baginda Rasulullah s.a.w. dari Anas r.a. berkata ia, telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya fitnah itu tidur, Allah melaknat sesiapa yang menggerak-kannya." Dan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 193 yang

bermaksud: "Perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan menjadikan agama itu semata-mata kerana Allah, kemudian jika mereka berhenti, maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim."

Demikianlah gambaran-gambaran yang menunjukkan bila fitnah itu terjaga dari tidurnya; permusuhan akan berlaku, pertumpahan darah mungkin terjadi, jiwa akan tersiksa dan macam-macam lagi yang boleh berlaku, sementara di akhirat pula akan menanti azab siksa yang amat pedih dan amat mengerikan.

Satu hal yang perlu kita amati, iaitu tanda orang yang suka membuat fitnah itu ialah dia tidak sanggup membuktikan kata-katanya itu secara berhadapan dan berterusterang mempersoalkan hal itu untuk mencari satu jalan penyelesaian yang baik demi untuk kebaikan bersama.

Dia hanya sanggup menjatuhkan maruah di belakang orang yang dituduhnya saja, kerana tabiat buruk yang ada dalam jiwanya itu sudah berakar-umbi, dan membawa cerita bohong untuk memburuk-burukkan orang itu pula adalah satu kerja atau hobinya sahaja.

Sifat yang buruk itu tidak mungkin ada pada diri seseorang seandainya dia mengakui sebagai seorang mukmin, kerana Islam sangat melarang kepada pemeluk-pemeluknya berbudi pekerti yang rendah lagi hina itu, oleh itu eloklah kita memeriksa diri kita serta berusaha untuk menjauhkan perbuatan keji dari dalam jiwa kita jika ada, akhirnya renunglah sebuah Hadis Rasulullah s.a.w. dari Huzaifah r.a. yang bermaksud: "Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, tiada masuk ke syurga pembawa fitnah".

Para belia di seru damping diri dengan ajaran2 Quran

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb April, 1983 hingga ke hari Selasa 3hb Mei, 1983 adalah seperti di bawah ini:

Hari	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak	Imsak	Subuh	Terbit
27hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
28hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
29hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
30hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
1hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
2hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
3hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

TEKNOLOGI PERLU BAGI MASA DEPAN BRUNEI

OLEH: MUHAIMIN HJ. MUHAMMAD

GADONG — Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap menegaskan bahawa keadaan kemewahan negeri Brunei di masa hadapan hanya akan dapat dipertahankan dengan adanya kemajuan sosioekonomi yang berasaskan dan bersendikan ketinggian teknologi, kita tidak ada pilihan lain tetapi 'to try to catch up with the twentieth century'.

Katanya "Kita menyedari akan hakikat dan kenyataan bahawasanya asas teknologi di negeri ini belum lagi mencukupi untuk memperbaiki ekonomi bagi kemajuan sosioekonomi yang berasas dan bersendikan ketinggian teknologi; maka kita tidak ada pilihan lain selain daripada berusaha dengan gigih lagi dedikasi bagi meluaskan dan mendalamkan asas teknologi di negeri ini menerusi rancangan-rancangan pendidikan dan latihan yang tertentu dengan seberapa segera yang boleh."

Menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kali yang ke-33 bertempat di Dewan Jubli Perak MPSHB Gadong, pada hari Jumaat lepas, beliau berkata selain daripada penubuhan Institut Teknologi Brunei yang sudah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. yang mana perlaksanaannya

sedang dirancang, Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran juga telah mengambil langkah-langkah penting yang lain seperti mengadakan kurikulum baru bagi sekolah-sekolah rendah yang menitikberatkan 3M serta menitikberatkan pelajaran-pelajaran sains dan kira-kira di sekolah menengah.

Sementara di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional tambahannya, Jabatan Pelajaran baru-baru ini menambah kursus-kursus yang boleh diikuti oleh penuntut-penuntut yang berkecenderungan terhadapnya.

Katanya lagi, Jabatan Pelajaran baru-baru ini juga telah mengadakan bahagian ECA dan antara kegiatan-kegiatan penting yang dilaksanakan atas kerjasama dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad ialah rancangan "Computer Appreciation" bagi sekolah-sekolah menengah yang mana diharapkan bukan saja akan mendedahkan penuntut-penuntut kepada faedah dan kegunaan komputer, bahkan akan mendorong mereka kepada teknologi komputer yang sungguh banyak kesannya kepada perkembangan sosioekonomi antarabangsa pada masa ini.

Jabatan Pelajaran juga kini sedang menyasihat kemungkinan untuk menyesuaikan konsep pelajaran dewasa kepada konsep pelajaran lanjutan

yang lebih menitikberatkan peranan teknologi di kalangan rakyat jelata, jelasnya.

Awang Selamat berkata walaupun Brunei sebuah negeri yang kecil dengan bilangan penduduknya kurang lebih dua ratus ribu orang tetapi dengan penghasilan minyak dan gasnya yang lumayan, rakyat dan penduduk negeri ini telah dan sedang menikmati satu peringkat kemewahan yang tinggi dan nyata jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Selain daripada itu katanya, disebabkan oleh kelebihan-kelebihan pendapatan Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. dibandingkan dengan perbelanjaan untuk pentadbiran, pertahanan dan keselamatan dan kemajuan, negeri ini sejak tahun 1974 berjaya menambah wang simpanannya di luar negeri kepada satu jumlah yang meningkat lagi mengagumkan. Pendekkata, kemewahan kita dan kukuhnya ekonomi negara kita, pada bahagian besarnya adalah berasaskan kepada pengeluaran minyak dan gas.

Tetapi tambahannya lagi, pengeluaran minyak dan gas itu ada hadnya oleh yang demikian kemewahan yang kita semua nikmati pada masa ini juga mempunyai hadnya kalaulah ianya semata-mata didasarkan kepada hasil-hasil galian yang terhad jumlah umurnya. Hakikat dan kenyataan ini sudah lama kita sedari tetapi apa yang kurang jelas dan nyata ialah sama ada kita mempunyai sumber-sumber kekayaan yang lain dan sama ada sumber-sumber kekayaan yang sedemikian adakah ianya diusahakan kelak akan mencukupi sebagai asas ganti kepada kemewahan yang kini kita semua nikmati sejak bertahun-tahun yang lalu.

Selanjutnya beliau berkata, pada masa ini negeri Brunei mempunyai sumber-sumber kekayaan yang tertentu seperti tanah untuk berladang dan bertani, galian seperti pasir silika, kayu-kayan dan sumber-sumber perikanan yang boleh dikatakan kesemuanya itu belum lagi dimajukan ke tahap potensial yang ada padanya.

Beliau percaya dan yakin Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. mempunyai perancangan horizonnya sen-

diri. Tetapi apa yang patut kita semua persoalkan ialah apabila sama ada sumber-sumber kekayaan yang lain itu akan mencukupi sebagai asas ganti kepada kemewahan yang kini dan bagi bertahun-tahun yang lalu kita sudah nikmati biar apapun perancangan horizon Kerajaan mengenainya yang ada pada masa ini.

"Saya bukanlah seorang yang bersikap 'alarmist' dan sesungguhnya bukanlah hajat saya untuk mengadakan satu 'scenario' yang bukan-bukan, tetapi sebaliknya saya juga bukan seorang yang senang dengan 'wishful thinking' yang sentiasa bersifat optimis yang bukan-bukan, seorang manusia yang membuat ramalan tentang masa depan kita dengan kalimat; ah tidak apa, kita masih lagi mempunyai sumber-sumber kekayaan yang lain — semuanya akan terjamin, beres! tetapi biar apapun hakikat yang sebenarnya tidaklah akan menjadi mudarat kepada kita kalaulah kita sentiasa berpegang kepada sikap yang realistik, seperti yang dikatakan dalam bahasa Inggeris 'to be on the side of caution'. Apatah lagi di dalam keadaan yang penuh mewah seperti sekarang.

Akan tetapi katanya, sekiranya sumber-sumber kekayaan yang lain daripada minyak dan gas apabila ianya diusahakan menurut potential ekonomi minyak tidak mencukupi sebagai asas ganti kepada penghasilan minyak dan gas kepada kemewahan yang sudah menjadi kelaziman kepada kita, apakah kita mempunyai sumber kekayaan yang lain yang boleh menampung kekurangan yang mungkin ada pada masa yang akan datang? Di dalam keadaan yang mewah seperti sekarang, di mana perancangan horizon kita sebagai orang perseorangan atau individu lebih berupa pendek daripada panjang tidaklah menghairankan



Awang Selamat bin Munap

jika kita kadangkala lupa bahawa sumber kekayaan yang sebenarnya, selain galian, balak, tanaman, ikan di sungai dan di laut itu berada di dalam rumah kita sendiri dan di bangku sekolah-sekolah negeri ini iaitu anak-anak kita sendiri.

Awang Selamat menggesa supaya anak-anak diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna ke arah matlamat-matlamat yang kita hajati. Soalnya sekarang ialah menyedari akan hakikat bahawa pendidikan itu sesungguhnya benteng kemerdekaan apakah matlamat yang penting kita tuju agar anak-anak kita yang akan lahir atau sudah lahir, yang masih berada di rumah ataupun yang sudah di bangku sekolah akan menjadi sumber kekayaan sebagai asas kemewahan yang sudah menjadi kelaziman kepada kita, bagi masa-masa yang akan datang.

Masalah tersebut adalah satu perkara yang tidak putus-putus direnung dan perbincangkan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. khususnya di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

Awang Haji Suni Idris. Majlis penyerahan hadiah pelajaran kepada seramai 10 orang penuntut 1982 oleh Guru-Guru Brunei. Mereka Awang Mohd bin Haji Saib MMPBS Sekolah Dayang Maimun dari Sekolah Sains, Mohd. Noor dari MMPBS, Sains, Awang Haji Saib dari SOAS, Awang Daud bin Haji Sekolah Arab, Dayang Norita Halim dari MMPBS, Naamah bte Maimun dari Pusat Enam dan Daud bte Mohd. Daud dari Pusat Tingkatan Tiga. Hadiah-hadiah disampaikan Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap. Antara penerima ialah YB Dato Awang Hj. Saib dan Bidin serta PGGMB.

Majlis pada pagi Selasa di Pejabat Pendidikan, Seremban, telah diadakan penyerahan hadiah pelajaran kepada seramai 10 orang penuntut 1982 oleh Guru-Guru Brunei. Mereka Awang Mohd bin Haji Saib MMPBS Sekolah Dayang Maimun dari Sekolah Sains, Mohd. Noor dari MMPBS, Sains, Awang Haji Saib dari SOAS, Awang Daud bin Haji Sekolah Arab, Dayang Norita Halim dari MMPBS, Naamah bte Maimun dari Pusat Enam dan Daud bte Mohd. Daud dari Pusat Tingkatan Tiga. Hadiah-hadiah disampaikan Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap. Antara penerima ialah YB Dato Awang Hj. Saib dan Bidin serta PGGMB.



Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Suni menyampaikan hadiah kepada Dato Seri Paduka Awang Haji Marsal yang diistiharkan sebagai Tokoh PGGMB.



Penuntut-penuntut yang menerima hadiah dari PGGMB.

DARI MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN:

AISAH PIEE
ZUBAIDAH H.S

Perpindahan tiga peringkat: MENYEDIAKAN PERUMAHAN UNTUK RAKYAT

ANDAR SERI BEGA-
MAN. — Tujuan utama
perpindahan diadakan
adalah bagi menyediakan
perumahan kepada rakyat
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia yang sangat
berkehendakkan rumah
dengan mengikut syarat-
syarat yang telah
ditetapkan.

Tapi perpindahan
sekaligus bermakna
perubahan daripada
sebuah kampung ke sebuah
kampung sebagaimana
yang sering diperkatakan
oleh orang ramai ketika
ini.

Menjelaskan ketika

memberikan ceramah
kepada seramai 48 orang
peserta-peserta taklimat
dari Mukim Sungai Kebun
di majlis taklimat anjuran
Bahagian Penerangan di
sini pada Khamis lepas,
Timbalan Pengarah Per-
pindahan, Awg Salleh bin
Haji Jalil seterusnya
berkata, bahawa perpinda-
han tersebut telah
dibahagikan kepada tiga
peringkat.

Peringkat pertama
adalah bagi pegawai-
pegawai kerajaan dalam
division tiga, empat dan
lima, peringkat kedua
kemungkinan bagi orang-
orang awam dan peringkat

ketiga bagi penduduk
tetap.

Orang-orang awam
yang dimaksudkan di sini,
jelas Awg Salleh ialah ter-
diri rakyat Kebawah Duli
Yang Maha Mulia, iaitu
puak jati Bangsa Melayu
termasuk rakyat secara
kuasa undang-undang
yang berdaftar dan lain-
lain.

Sementara penduduk
tetap, terdiri daripada
penduduk yang berlandung
dalam Negeri Brunei
Darussalam yang memiliki
surat akuan dengan
memegang kad

pengenalan berwarna
ungu.

Mereka ini, menurut
Awg Salleh hanya
dibenarkan menyewa bilik-
bilik dan rumah pangsa
sahaja mengikut syarat-
syarat yang telah diten-
tukan.

Beliau menambah, pada
masa ini tapak-tapak telah
disediakan di beberapa
kawasan yang telah diran-
cangkan oleh kerajaan
seperti di Jalan Lambak
Kanan, Pangkalan
Darussalam dan di Kampung
Mata-Mata Gadong yang
mana kira-kira setengah



Awang Salleh bin Haji Jalil
Timbalan Pengarah Perpindahan

daripadanya telah siap
dibina.

Menurut Awang Salleh,
perpindahan di kawasan
Jalan Lambak Kanan,
pada dasarnya ketika ini
lebih kurang 2,000 ekar
telah dicadangkan tetapi
kira-kira 1 ribu lebih saja
telah dipersetujui oleh
pihak kerajaan, di mana
peringkat pertama kira-
kira 100 buah rumah akan
dibina di kawasan itu, dan
peringkat kedua
dicadangkan akan mem-
bina 200 buah rumah lagi.

Menyentuh dengan cara
pembayaran tiap-tiap
bangunan perumahan,
Awg Salleh menjelaskan
cara pembayaran itu telah
dibahagikan kepada tiga
cara, iaitu jual secara
tunai, jual secara
beransur-ansur dan jualan
secara sewa beli.

"Projek ini walaupun
memakan masa dan
mengeluarkan wang yang
banyak tetapi apa yang
dihasilkan oleh kerajaan
melalui Jabatan Perpinda-
han ialah merancang
dan melaksanakan dengan
begitu rapi bagi

mengadakan perumahan
kepada rakyat yang
berkehendakkan rumah,"
tegas Awang Salleh.

Timbalan pengarah
Perpindahan itu selanjut-
nya menjelaskan, kerajaan
melalui Jabatan Perpinda-
han hanya akan
menyediakan lebih suku
ekar tanah bagi tiap-tiap
lot, sementara bagi mereka
yang inginkan tanah bagi
tujuan bercucuk tanam
sebagaimana yang diper-
soalkan oleh salah seorang
peserta taklimat pada hari
itu, beliau mencadangkan
supaya membuat ataupun
menghadapkan per-
mohonannya kepada pihak
yang berkenaan.

Bagi melicinkan pentad-
biran perpindahan,
pihaknya juga telah
melantik jawatankuasa
dengan mengikut dasar-
dasar yang tertentu bagi
pihak kerajaan pada men-
jalankan proses itu
dilakukan mengikut tata-
atur yang betul, misalnya
dengan membuat plan-
plan induk.

Menurutnya lagi, di
tiap-tiap kawasan perpinda-
han itu
berkemungkinan akan
disediakan juga berbagai-
bagai kemudahan seperti
klinik-klinik, kedai,
padang permainan,
sekolah dan lain-lain lagi.

Akhirnya Awang Salleh
berharap agar mereka
yang telah memohon
perumahan perpindahan
tersebut supaya akan
dapat bersabar, kerana
katanya, hampir 8,000
permohonan yang perlu
dipilih mengikut
peringkat-peringkat atau
dasar-dasar yang diten-
tukan. Dan Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia tidak akan
menganak-tirikan kepada
semua rakyatnya yang
memohon rumah-rumah
perpindahan tersebut.



PESERTA-peserta taklimat sedang asyik mengikuti ceramah di Bilik Taklimat Bahagian Penerangan.



Peserta-peserta taklimat bergambar ramai di kawasan perpindahan Jalan Lambak Kanan semasa mengadakan lawatan ke projek tersebut.

TYT YASUHIRO NAKASONE LAWAT BRUNEI

Dari muka 1

Istimewa mengenai hubungan negara Jepun dan Brunei, Tuan Nakasone mengharapkan agar pertalian niaga yang makmur antara kedua buah negara terutama di bidang perusahaan minyak dan gas cecair asli yang berjalan ketika ini akan terus terjalin.

Tuan Nakasone juga menyuarakan rasa ke-

sediaan negaranya jika dikehendaki untuk menghulurkan bantuan terutama di bidang pembangunan infrastruktur selepas Brunei mencapai kemerdekaan penuhnya nanti.

Terdahulu dari itu dalam satu sidang berasingan di Kementerian Luar Jepun, Menteri Luar Jepun, Mr. Shintaro Abe menyatakan yang kerajaan

Jepun berhasrat untuk menjalin hubungan meluas dengan Brunei bukan sahaja di bidang ekonomi malah juga di bidang politik, kebudayaan, sosial dan lain-lain lagi.

Tambahnya, salah satu matlamat bagi dasar luar Jepun ialah untuk menjalin hubungan kerjasama dengan negara-negara di rantau Tenggara Asia dan melalui konteks tersebut

Jepun ingin mencapai hubungan serupa dengan Brunei.

Perdana Menteri dan rombongan dijangka memulakan kunjungan dengan melawat Indonesia pada 1hb. Mei depan dan dari sana beliau dijangka akan berada di negeri Thailand pada keesokan harinya.

Kemudian pada 4hb. Mei beliau akan mengun-

jungi Singapura mana sesudah diikuti dengan lawatan ke Philipina pada 10hb. Mei.

Dari Philipina Nakasone dan rombongan akan dijadualkan di Malaysia pada 11hb. Mei. Dari sana beliau akan pulang ke Jepun. Nakasone akan mengadakan lawatan kira-kira 4 jam pada 10hb. Mei.

SEDIKIT MENGENAI YASUHIRO NAKASONE

BELIAU ketika ini berusia 64 tahun dan dilahirkan pada 27hb. Mei, 1918 di sebuah bandar Jepun yang bernama Takasaki.

Pada bulan Mac 1941 beliau lulus dari Universiti Imperial Tokyo di mana sebulan kemudian setelah lulus Peperiksaan Tertinggi Perkhidmatan Awam beliau telah bertugas dengan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Dalam tahun itu juga hingga bulan September 1945 beliau berkhidmat dengan angkatan laut Imperial sehingga mencapai pangkat selaku Leftenan Komander.

Pada bulan Oktober, 1945 Tuan Nakasone telah bertugas semula dengan Kementerian Hal-Ehwal dalam negeri selaku Ketua Polis di Jabatan Pentadbiran kerajaan daerah Kagawa dalam mana serentak dengan itu juga bertugas selaku Pegawai Pemeriksa Pejabat Polis Metropolitan di Tokyo.

Sejak bulan April 1947 beliau telah dipilih buat selama 13 kali berturut-turut selaku wakil undangan negeri.

Dalam tahun 1959 hingga 1960 beliau mula dipilih selaku seorang Menteri dalam negeri dan berperanan sebagai Pengarah Umum bagi Agensi Sains dan Teknologi.

Dalam tahun 1967 hingga 1968 beliau dilantik selaku Menteri Pengangkutan. Manakala dari tahun 1970 hingga 1971 selaku menteri dalam negeri yang mana kali tersebut bertindak selaku Pengarah Umum bagi Agensi Pertahanan.

Dalam tahun 1972 hingga 1974 dilantik pula selaku Menteri Perdagangan dan Perusahaan Antarabangsa. Dan dalam tahun 1974 hingga 1976 selaku Setiausaha Umum Parti Liberal Demokratik di mana kemudiannya dalam tahun 1977 hingga 1978 dilantik selaku Pengerusi Majlis Tertinggi bagi parti tersebut.

Sebelum menjadi Perdana Menteri Jepun dalam bulan Nobember 1982, dalam tahun 1980 beliau telah dilantik selaku menteri dalam negeri dan berperanan selaku Pengarah Umum bagi Agensi Pengurus Pentadbiran.



TYT Yasuhiro Nakasone mempunyai tiga orang anak-seorang lelaki dan dua orang perempuan yang kesemuanya sudah berkahwin. Kelihatan TYT sedang bergembira dengan isteri, anak, anak menantu dan dua di antara 5 orang cucu beliau.

DUA ANTARA 22 WARTAWAN ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN — Dua orang pegawai dari Bahagian Penerangan Setiausaha Kerajaan Brunei adalah antara 22 orang wartawan Tenggara Asia yang telah selesai mengadakan

lawatan sambil belajar di Jepun baru-baru ini.

Pegawai Penerangan, Awang Ahmad Ghazali bin Haji Tengah dan Pg. Hidup Pg. Haji Samsuddin, Penyunting Pelita Brunei telah di perkenankan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengikuti lawatan tersebut atas undangan Kerajaan Jepun.

Lawatan yang berjalan selama 10 hari itu telah bermula pada 3hb. April lalu dan adalah dian-

jurkan oleh Bahagian Akhbar Luar Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun.

Tujuan lawatan tersebut adalah bagi memberi peluang kepada para wartawan untuk memerhati keadaan di Jepun melalui beberapa sidang akhbar di samping beberapa lawatan demi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai negeri tersebut sebelum lawatan Perdana Menteri tersebut ke negeri-negeri Tenggara Asia dan Brunei yang akan bermula awal bulan depan.

Semasa berada di sana para peserta di bahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan politik dan ekonomi di mana masing-masing dengan acaranya tersendiri.

Hampir keseluruhan acara yang telah disusun

bagi lawatan adalah di permulaan taklimat dan sidang akhbar.

Keseluruhan 22 akhbar tersebut memersoalkan hal politik dan ekonomi dan antara lain yang berkaitan.

Di samping itu peserta berkenaan mengadakan lawatan beberapa tempat seperti Pusat Perusahan, Badan Dewan Perwakilan lain-lain tempat menarik.

Kemuncak bagi lawatan tersebut ialah sidang akhbar dengan Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone dan Menteri Luar Jepun Shintaro Abe.



Selaku tokoh politik TYT tidak kurang memerhati keadaan seluruh rakyat terutama generasi baru seperti penuntut-penuntut sekolah yang kelihatan mengelilingi beliau di luar Bangunan Mesyuarat Belanjawan.



Dua orang pegawai dari Bahagian Penerangan ketika menghadiri sidang akhbar dengan Perdana Menteri Yasuhiro Nakasone. Kiri sekali TYT Yasuhiro Nakasone, Tengah — Awang Ahmad Ghazali Haji Tengah dan Pengiran Hidup P H Samsuddin, manakala kanan sekali peserta dari negara Thailand.

ELITA BRUNEL, Hari Rabu 27hb April, 1983.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 27HB APRIL

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.30 QURAN DAN MARI KITA
4.35 BERDOA
4.40 SUSUNAN RANCANGAN
4.45 KAP KAP UDANG
4.50 GREAT SPACE COASTER
4.55 THE NEW ADVENTURES OF
5.00 SUPERMAN
5.05 BERITA AWAL
5.10 DIFFERENT STROKES
5.15 CONTACT
5.20 AZAN MAGHRIB
5.25 CONTACT — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS
7.10 JULIET BRAVO: "Oscar"
Janice, 11 tahun, memberitahu bahawa seorang bernama Oscar menyuruhnya mencuci satu cucian dari satu laundrette. Apabila Jean bertanya siapa Oscar, Janice berkata orang itu ganjil.
7.15 AZAN ISYAK
7.20 JULIET BRAVO — sambungan
7.25 WARTA BERITA
7.30 LIPUTAN NASIONAL
7.35 PRIVATE BENJAMIN:
"S.M.A.S.H."
7.40 QUINCY: "Across The Line"
7.45 TAYANGAN GAMBAR:
"P.S.I Factor"
Seorang pakar komunikasi di NASA menerima isyarat ganjil dari angkasa lepas. Dia mencari puncaknya. Kegiatannya itu menimbulkan banyak keke-
7.50 lihan. Pelakon-pelakon: Peter Mark Richman, Gretchen Corbett, dll.
8.00 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 28HB APRIL

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.30 QURAN DAN MARI KITA
4.35 BERDOA
4.40 SUSUNAN RANCANGAN
4.45 KAP KAP UDANG
4.50 SESAME STREET
4.55 BERITA AWAL
5.00 FLINTSTONE FROLICS
5.05 SAFARI TO ADVENTURES:
"Danzab Schooner"
5.10 AZAN MAGHRIB
5.15 SAFARI TO ADVENTURES —
5.20 sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS



LEMUEL Gulliver, seorang doktor dalam Pe-
tangan kapal kurun ke-18 yang telah pecah
dan terkandas ke sebuah pulau bernama Lilli-
put yang penuh misteri. Gulliver ditawan
oleh penduduk-penduduk pulau itu. Walau-
pun mempunyai bentuk-bentuk badan yang
kecil yang tidak melebihi 6 inci, mereka
kompeten untuk bahasa, rupa dan kelakuan
yang sama dengan manusia biasa. Gambar
dari siri baru GULLIVER IN LILLIPUT—
seri ini bermula Selasa depan jam 5.00
petang.

7.15 KNIGHT RIDER:
"No Big Thing"
Devon ditahan kerana kesalahan kecil
jalan raya. Dia membantah tetapi
terus di penjara oleh Sherif bandar
berkenaan. Dalam penjara dia me-
nyaksikan satu kemalangan mengaki-
batkan kematian kepada seorang ban-
duan di sana. Devon dipindah ke
tempat lain supaya tidak mendedah-
kan rahsia. Devon minta bantuan
Michael.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 ROAD TO WEMBLEY:
"Arsenal lawan Aston Villa"
10.35 NINE TO FIVE:
"Harassment"
11.05 BELLAMY
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 29HB APRIL

TENGAH HARI
12.00 PEMBUKAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA
12.05 BERDOA
12.10 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN AGAMA
12.20 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-
YANG FARDU JUMAAT DARI
MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
BANDAR SERI BEGAWAN
12.30 ROAD TO L.A.
PETANG
1.30 MUTIKA: SUKU AKHIR
No. 4 (Ulangan).
2.15 WILDLIFE ON ONE
"Gannet Glow"
3.30 AZAN ASAR
3.43 WILDLIFE ON ONE — sambungan
4.00 THESE ARE THE DAYS
4.25 BISIKAN SEDAMAN (Ulangan)
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 AGRICULTURE:
"The Structure of Soil"
5.35 THE ODDBALL COUPLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY:
"The Ghost of Secret Valley"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS
7.15 THE AMAZING SPIDERMAN:
"The Con Caper"
Seorang ahli politik yang menerima
rasuah bersubahat dengan beberapa
orang banduan untuk merompak satu
bank di tingkat atas sebuah bangunan
tinggi.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 SPIDERMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 NASYID SEPARUH AKHIR
9.05 DALLAS: "Post-Nuptial"
Ketika upacara perkahwinan di antara
JR dan Sue Ellen sedang berlangsung
tetamu merasa gelisah menunggu
reaksi Cliff siapa kemudiannya bangun
berdiri dan terus meninggalkan upa-
cara itu.
9.55 DETECTIVE SCHOOL
10.25 CBS SPORTS SPECTACULAR
11.55 STRIKE FORCE
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 30HB APRIL

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
4.20 BERDOA
4.25 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.35 SESAME STREET
4.40 BERITA AWAL
4.45 GEOGRAPHY TODAY
4.50 WORLD OF BIRDS
4.55 AZAN MAGHRIB
5.00 WORLD OF BIRDS — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS



DIBINTANGI oleh seniman agung dan gagah mendiang John Wayne (tengah) tayangan gambar Sabtu ini berjudul THE SEARCHERS. Kepada peminat-peminat John Wayne di-
ingatkan jangan lupa menyaksikannya.

7.15 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS
7.43 AZAN ISYAK
7.48 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS —
sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUTIKA
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDO-
NESIA: "Orang-orang Sinting"
Pelakon-pelakon: James, Rizali, Monos,
Omen, Dindin, Adetya, Dahayu Effend-
i dan lain-lain.
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR:
"The Searchers"
Seorang veteran Civil War pulang ke
kampungnya di Texas mendapati ke-
luarannya dibunuh dan anak-anak
saudaranya ditangkap. Pelakon-pela-
kon: John Wayne, Jeffrey Hunter,
Vera Miles, dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 1HB MEI

PETANG
2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA
2.05 BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION:
"Cobweb"
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.41 AZAN ASAR
3.44 BIG LEAGUE SOCCER —
sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 BENGKEL KANAK-KANAK
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND
OPPORTUNITIES:
"100 Dollar Technology"
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY
DAYS GANG
6.30 LOVE SIDNEY:
"A Piece of the Rock"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 LOVE SIDNEY — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON:
"Deadly Fashion"
Christine, seorang model cantik di-
tuduh membunuh majikannya, seorang
pencipta pakaian. Christine meng-
hubungi kawan lamanya, Matt Hous-
ton, untuk membantunya bahawa dia
tidak bersalah.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRA MERAJ No. 1
8.45 PERTANDINGAN AKHIR MUTIKA
SIARAN LANGSUNG DARI
DEWAN RAYA R.T.B.
10.45 THE BLUE AND THE GRAY
11.35 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 2HB MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
4.20 BERDOA
4.25 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.35 WHISPER OF GLOCKEN:
"The Five New Heroes"
5.15 THE PERILS OF PENELOPE
PITSTOP: "Wild West"
5.40 DASTARDLY AND MUTTELY
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 THAT'S INCREDIBLE —
sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW
STAR: "The Brain Drain"
7.43 AZAN ISYAK
7.48 THE POWERS OF MATTHEW
STAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRA MERAJ No. 2
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 CONNECTIONS: "Yesterday,
Tomorrow and You"
(Episod terakhir)
10.15 SHOGUN
11.15 WINNETOU
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 3HB MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
4.20 BERDOA
4.25 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.35 GULLIVER IN LILLIPUT
(Siri baru)
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN
ANIMATION: "The Wild Swan"
Bhg. 2.
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
— sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.05 INGGERIS
7.15 FALCON CREST:
"The Expose"
Chase, Maggie dan peguam Steve
Earton bersama menjamin Cole untuk
melepaskannya dari penjara.
7.43 AZAN ISYAK
7.48 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRA MERAJ No. 3
8.45 ARENA SUKAN
9.30 STRANGERS
10.30 TAYANGAN GAMBAR:
"King of The Sun".
12.00 SIARAN TAMAT.

Intisari minggu ini

RTTB
10 P

DIALOG SEMASA

SUATU yang menarik perhatian Dialog dalam keluarannya kali ini ialah terhadap langkah negara kita menyekutukan diri dalam penggunaan sistem ejaan baru. Dan dalam mengemukakan langkah tersebut sudah barang setentunya menerima berbagai pandangan yang positif dan negatif, dengan alasan-alasan tertentu.

Biar pun begitu, Dialog sebagai sebuah rancangan am, tidak akan membelah mana-mana pihak, kecuali menyerahkan segala-galanya kepada awda untuk membuat pertimbangan masing-masing.

Di samping itu Dialog juga akan memberikan kesempatan ini kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, selaku tetamu undangan, untuk menerangkan kaedah sistem ejaan baru, langkah-langkah melaksana dan menyebarkan serta banyak lagi yang mesti kita ketahui.

Dari itu jangan lupa untuk menantikan Dialog yang akan mengutarakan sebuah tajuk yang berbunyi "SISTEM EJAAN BARU DAN LANGKAH-LANGKAH MELAKSANA DAN MENJAYAKANNYA" pada hari Jumaat 29hb April 1983 kira-kira jam 8.30 malam.

Radio minggu ini:

PERSIAPAN MENJELANG AIDILFITRI

SUNGGUHPUN barangkali ada orang berkata, terlalu awal sangat untuk menyediakan segala bahan-bahan untuk menyambut Aidilfitri, kerana jika disiapkan awal sangat, tentu kata orang akan buntu. Tetapi bagi Keluarga Bahagian Melayu Radio Brunei, tidaklah berpendapat sedemikian rupa. Kerana jika lambat pula disediakan, mungkin akan menambahkan lagi beban mereka. Jadi apa yang terdapat oleh mereka, bahan-bahan untuk disajikan kepada para pendengar haruslah dirancangan lebih awal, walaupun belum dibuat ramuan atau hidangannya.

Menjelang hari puasa, atau sebelum bulan Ramadan tiba, kakitangan Baha-

gian Melayu akan berada di dalam suasana kesibukan, betapa tidak, mereka tentu saja menghadapi dua tugas, tugas pertama menyediakan rancangan-rancangan harian dan mingguan, dan tugas kedua menyediakan segala rancangan-rancangan bagi menyambut Aidilfitri.

Baru-baru ini telah diadakan satu mesyuarat yang berkisar hanya membincangkan rancangan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Seperti biasa pada tahun ini, Radio Brunei Perkhidmatan Melayu akan mengadakan siaran lanjut sehingga jam 6.00 pagi (24 jam) pada malam hari raya. Dan pada hari raya pertama, kedua, ketiga dan keempat, siaran akan diteruskan sehingga pukul 12.00 malam. Segala rancangan yang hendak disajikan kepada para pendengar nanti tentulah disesuaikan dengan suasana riang gembira, suasana meriah, dan tentulah segala rancangan itu berupa hiburan semata-mata.

PERMINTAAN TELEFON

Pada Aidilfitri tahun-tahun sudah, Perkhidmatan Bahagian Melayu telah menyiarkan rancangan permintaan telefon, yang diudarkan selama empat hari. Pada tahun ini rancangan tersebut akan kami adakan lagi. Dan pada tahun lalu, buat pertama kalinya, Bahagian Melayu membuat panggilan telefon ke luar negeri, untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut Brunei yang tidak sempat balik ke tanahair ketika menyambut hari raya, menyampaikan salam mesra, iaitu penuntut-penuntut dari London, Malaysia dan Singapura. Pada tahun ini, insya-Allah, kalau tidak ada aral melintang, akan kami adakan lagi.

Kalau tahun lepas, rancangan-rancangan hari raya kami sajikan hampir 60 buah semuanya, tahun ini juga tentu tidak akan kurang, malah barangkali, akan lebih sedikit, sungguhpun nanti, ada seorang dua penerbit-penerbit radio akan bercuti, tetapi segala rancangan-rancangan untuk hari raya pasti sudah disiapkan.

Segala rancangan-rancangan yang akan kami rakamkan nanti, terutama Pesta Ria Hari Raya, Pentas Dangdut, Berbalas Pantun Di Hari Raya, Sandiwara Radio, beberapa buah pancaram tanahair dan lain-lain kami penuh berharap, akan mendapat sambutan dari pendengar-pendengarnya. Kejayaan kami adalah juga kejayaan para pendengar untuk mengisikan rancangan-rancangan hari raya.

Ujilah Bahasa Kita

Hari Jumaat 29hb April 1983
pukul 9.00 pagi

Peringkat Separuh Akhir Bahagian
Menengah Bawah:
SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN
RAJA ISTERI
bertemu

SEKOLAH MENENGAH ARAB
PEREMPUAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK DAMIT

Hari Ahad 1hb Mei, 1983
pukul 1.30 tengah hari

Suku Akhir Bahagian Menengah Atas:
SEKOLAH INGERIS SUFRI
BOLKIAH, TUTONG
bertemu dengan

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI
BEGAWAN SULTAN/SEKOLAH
SAINS.

Battle of Words

LOWER SECONDARY:—
ST. ANGELA'S CONVENT SCHOOL
Vs.

S.O.A.S. COLLEGE
(FRIDAY 29TH APRIL, 83) AT 11.00
AM

LOWER SECONDARY
ST. MARGARET'S SCHOOL
Vs.

SG. KEBUN SECONDARY SCHOOL
(SUNDAY 1ST MAY, 83) AT 11.00
AM



MENDAPAT giliran untuk memilih lagu-lagu dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Awang Ramlan bin Hj. Abd. Rahman, No: 34, Kg. Lumapas, Brunei (gambar atas).

Awang Ramlan akan memilih tujuh buah lagu kegemarannya. Di antaranya Nyanyian Pantai Timor dari Kumpulan Harmoni, If I Sing U A Love Song dari Bonnie Tyler dan lain-lain. Rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin 2hb. Mei, jam 1.30 petang.

**Peserta Dari
Pendengar
Untuk
Pendengar**

Rahimah Rahman
mempersembahkan

Ran
P
De

1983.

BERTANDING REBUT JUARA MUTIKA '83

BERTANDINGAN akhir MUTIKA '83 akan diadakan pada 1hb Mei hari ini. Pertandingan ini disiarkan terus-menerus dari Dewan Raya RTB, kira-kira jam 8.40 ma-

Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran Bendahara Maharaja Permaisura Pemuda Haji Sufri Bolkiah

telah berkenaan untuk berangkat menghadiri pertandingan itu serta akan menyampaikan hadiah kepada para peserta dalam pertandingan itu nanti.

Radio Televisyen Brunei juga telah mengundang seorang penyanyi muda yang meningkat maju dari Singapura, iaitu Rahimah Rahim, di samping itu salah seorang bekas Juara Mu-

tika 1977 iaitu Awang Jaini Md. Taib juga akan turut mempersembahkan nyanyian dan disertai oleh penari-penari RTB.

Setelah meneliti dengan adil dan bijaksana, para hakim telah mengambil keputusan dari 4 siri rancangan peringkat separuh akhir, di mana seramai 10 orang peserta yang layak di bawa ke pertandingan akhir nanti,

terdiri dari:—

Dayang Saaimah binte Hj. Abdi Manaf; Awang Hj. Johari bin Hj. Omar; Awang Amedun bin Mohd. Yassin; Ak. Metussin bin Pg. Hj. Seruddin; Ak. Zainal Abidin bin Pg. Puteh; Dayang Masni binte Hj. Abdullah; Awang Suaidy bin Trokie; Awang Mohammad bin Hj. Metussin; Ak. Ramli bin Pg. Hj. Seruddin dan Dayang Salmiah

binte Hj. Hasbollah.

Satu rancangan khas Preview bagi 10 orang peserta ini, akan disiarkan oleh RTB pada 30hb. April, 1983 kira-kira jam 9.00 malam. Dari Preview itu nanti, para penuntun dapatlah membuat ramalan masing-masing, siapakah di antara mereka itu akan dimahkotakan sebagai Juara Mutika '83.



Dayang Saaimah Hj. Abdi Manaf



Awang Haji Johari bin Haji Omar



Awang Amedun bin Mohd Yassin



Ak. Metussin bin Pg. Hj. Seruddin



Dayang Masni bte Hj. Abdullah



Ak. Zainal Abidin bin Pg. Puteh



Awang Suaidy bin Trokie



Awang Mohammad bin Hj. Metussin



Ak. Ramli bin Pg. Hj. Seruddin



Dayang Salmiah bte Hj. Hasbollah

ISNIN — 2HB MEI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN DAN SPEAK 14 (July-December)
Siri ini mengajar cara-cara menyebut bulan July hingga December dan disikan sebuah lagu mengenai bulan-bulan January hingga December.
Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'N'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai tiga orang budak nakal.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Amfibia)
Katak dan Katak Puru adalah binatang-binatang Amfibia. Tahukah kamu bahawa Niut dan Selamander juga binatang Amfibia? Bagaimanakah kamu boleh mengetahui binatang Amfibia? Dari sifatnya. Dalam rancangan ini kamu dapat melihat beberapa jenis katak.

10.30 KAP KAP UDANG 858.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN KUDA, KERJA TANGAN, MINUM, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT dan GERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 858.

SELASA — 3HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 14 (July-December)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Amfibia)
10.30 KAP KAP UDANG 859
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti PAK LONG, TUNJUK BENDA, MINUM, BERSENAM, SI MANIS, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 859.

RABU — 4HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 14 (July-December)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Amfibia)
10.30 KAP KAP UDANG 860
Dalam rancangan hari ini, Cikgu Ro-

kiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, BERSENAM, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 860.

KHAMIS — 5HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 861.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, KATA SI MANIS, MINUM, AMINAH, BELON SI MANIS, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 861.

SABTU — 7HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 862.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, TUNJUK BENDA, MINUM, MAIN BOLA, DI MANA TEMPATNYA, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 862.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali Sai-
fuddin.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA

6.45 pagi (Berita dalam bahasa Melayu)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari (Tiap-tiap Jumaat)
1.30 tengah hari
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
9.30 malam (Berita dalam bahasa Melayu)

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU

27HB APRIL

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Kamariah Noor.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindang Delima Siri ke-3), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Tafsir Al-Quran, 6.45 — Lagu-lagu Asli.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

28HB APRIL

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT

29HB APRIL

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah Bahasa Kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuai-kan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-Lagu Lama.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU

30HB APRIL

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Mutiara Separuh Akhir '83, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

HARI AHAD

1HB MEI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai

Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

HARI ISNIN

2HB MEI

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 —

Dendang Remaja, 4.30 — Rupa Rupa, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Lagu-wakili Zaman-nya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan, 8.30 — Hiburan Malam, 8.30 — Soal jawab, 9.00 — Lagu-lagu Keroncong, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA

3HB MEI

PAGI: 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ujilah Bahasa Kita, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 2.30 — Gema Silam, 3.30 — Untuk Awda, 4.00 — Gema Keroncong/Puspasari, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Malam, 8.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanahair, 9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night with Rory Higgins

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special: "Donovan" Side 2 — 266.
9.30 Country Club — 38.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Battle of Words (Lower Secondary)
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Yesterday Once More — 17.

P.M.

12.45 My Music — 246/267.
1.15 Book Club Summer Lighting by P. G. Wodehouse — 7/16.

P.M.

8.00 The World of Books.
8.45 International Money Programme.
9.00 Perspective
9.30 A Date

Saturday

P.M.

8.30 Hits In Germany
8.45 Just A Minute — 253/261.
9.30 Top of The Tops — 960.

Sunday

A.M.

11.00 Battle of Words (Lower Secondary)
11.30 Practical World
11.45 A Date

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 960. (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know...? Science Made Easy "Car Safety"
8.15 Beautiful Music — 22/48.
8.30 English Examined — 60.
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: "Our Man in Havana"—A comedy spy thriller by Graham Greene — 5/6.

Monday

P.M.

8.00 Profile: Cliff Richard's Twenty Golden Years Pt 4 (2nd half).
8.45 Up The Belait River with out A Paddle—94 with out this week Easter Bunny.
9.30 All That Jazz — 44.

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 38

Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 World and Local News with tide time and Brunei's History.
7.15 Brunei's A.M. (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report — sidelines and History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)
9.15 News.

KE ARAH PENGHASILAN KARYA YANG MENJIWAI KEHIDUPAN KITA

DONG. — Dewan Bahasa dan Pustaka dan semasa ke...
...kemungkinan...
...lain bidang...
...maksud...
...akhirnya...
...akhirnya di Brunei...
...benar menjiwai...
...kehidupan kita...
...satu bangsa yang...
...dalam serba...
...dan seimbang...
...pembangunan...
...dan rohaninya.

Enam di sini pada malam Sabtu lepas.

Terdahulu sebelum itu Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mengucapkan tahniah kepada para penulis dan sasterawan yang telah berjaya dalam peraduan penulisan kreatif bersempena kemerdekaan yang dilancarkan tahun lepas.

Beliau berharap dengan kejayaan itu akan mendorong lagi para penulisan dan sasterawan menghasilkan karya kreatif yang dari semasa ke semasa akan bertambah mutunya di samping bertambah rapat kesan hasil penulisan itu dengan kehendak-kehendak yang diperlukan oleh masyarakat kita.

Berpandu kepada pandangan dan rumusan para hakim peraduan tersebut Awang Haji Abd Saman berharap pada suatu tahap penulisan di Brunei akan lebih maju tetapi bukan sekadar mencapai tahap kemajuan bahkan mencapai tujuan pada meletakkan sastera kreatif itu sebagai alat mensejajarkan masyarakat Melayu dengan lain-lain bangsa dan umat yang berlumba-lumba dalam ketinggian hidup.

"Dan semogalah kita di Brunei tidak akan bersastera-sasteraan atau penulisan-penulisan akan tetapi mudah-mudahanlah kita akan bersastera dan menulis dengan tujuan supaya sastera dan penulisan kita tidak akan menyebabkan masyarakat kita tertinggal dan tercicir unsur-unsur kehidupan yang lebih utama dan lebih dimuliakan," ujar beliau.

Peraduan tersebut terbahagi kepada empat bahagian iaitu Menulis Sajak, Puisi Kanak-kanak, Skrip Drama Pentas dan Menulis Cerpen.

Tidak ada pemenang pertama dalam peraduan menulis sajak, manakala hadiah kedua sebanyak \$2,000 telah dimenangi oleh Pg Haji Muhammad bin Pg Haji Abd Rahman, manakala tempat ketiga dimenangi oleh dua orang, masing-masing menerima \$1,000. Mereka ialah Haji Hashim bin Haji Abd Hamid dan Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah.

Peraduan menulis Puisi kanak-kanak pula tempat pertama memenangi hadiah \$2,000 ialah Ahmad bin Haji Munchong, tempat kedua Hidup bin Mohammad Zin dengan hadiah sebanyak \$1,500 dan tempat ketiga Yusoff bin Ladi menerima hadiah \$1,000.

Pg Aji bin Pg Haji Md Tahir pula telah memenangi tempat pertama sebanyak \$2,000 dalam peraduan menulis skrip drama pentas, tempat kedua memenangi hadiah \$1,500 ialah Abdul Latif bin Awang Chuchu dan ketiga hadiah \$1,000 dimenangi oleh Masri bin Haji Akip.

Tidak seorangpun peserta yang berjaya meraih hadiah pertama sebanyak \$2,000 dalam peraduan menulis cerpen. Tempat kedua telah disandang oleh Haji Muslim bin Haji Burut dengan hadiah \$1,500 dan tempat ketiga jatuh kepada Haji Leman bin Ahmad dengan hadiah sebanyak \$1,000.

Tiap-tiap bahagian peraduan itu juga telah



Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd Saman Kahar.

menyediakan empat hadiah penghargaan yang masing-masing bernilai \$500 tiap satu bagi peraduan menulis sajak, cerpen dan puisi kanak-kanak. Manakala peraduan menulis skrip drama pentas masing-masing bernilai \$250 tiap satu.

Penyampaian hadiah-hadiah tersebut telah disempurnakan oleh YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, Pemangku Setiausaha Kerajaan Brunei.

Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang sederhana di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 20hb. April. 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING: \$3.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Chee Guan, No. 4, Jalan Mc Arthur.
2. KACANG DAL: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Pemancha.
3. BAWANG MERAH: \$1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Syarikat Haji Abd. Rahman, No 94, Jalan Pemancha.

KUALA BELAIT

1. LADA KERING: \$3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
2. KACANG DAL: \$1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Ng Ming Hong, No. E, Chinese Chamber Of Commerce.
2. Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty.
3. BAWANG MERAH: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Choo Seng, No 20, Jalan Sungai.

SERIA

1. LADA KERING: \$3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Sim Fatt Hin, No 47, Jalan Bunga Kenanga.
2. KACANG DAL: \$1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Chop Kun Mee No 6, Jalan Sultan Omar Ali.
2. Hj. C.A. Mohammad & Son No 51, Jalan Bunga Kuning.
3. BAWANG MERAH: \$1.70 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
1. Hui Guan, No 48, 'B', Jalan Bunga Kuning.

Penuntut2 tinjau kegiatan Bahagian Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan 26 orang ahli-ahli Badan Bahasa dan Persuratan Sekolah Menengah Sungai Kebun pada hari Khamis 14hb. April lepas telah mengunjungi Bahagian Penerangan, Pejabat SUK di sini untuk lawatan singkat sambil belajar.

Rombongan yang disertai oleh 8 orang guru-guru pegawai badan tersebut telah diketuai oleh Setiausahanya Cikgu Ramli bin Haji Bakir.

Sebelum dibawa meninjau secara dekat dan tugas-tugas di unit-unit kerja

jabatan berkenaan, mereka terlebih dahulu diberikan taklimat ringkas mengenai struktur pentadbiran dan tugas-tugas Bahagian Penerangan oleh Awg. Yusof bin Ladi, Penolong Pegawai Penerangan Bahagian Taklimat.

Pelawat-pelawat tersebut juga berkesempatan beramah-mesra dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Dalam ramah-mesra tersebut, Awang Haji Badaruddin menyeru mereka supaya

sentiasa mentaati disiplin-disiplin sekolah mereka di samping berusaha untuk mencipta rekod-rekod cemerlang.

Seterusnya beliau menambah, penuntut-penuntut mestilah mempunyai sikap kesedaran dan bersemangat untuk memberi sumbangan kepada negara.

Beliau juga berharap agar pengalaman yang ditimba melalui lawatan tersebut akan dapat disebarkan kepada penuntut-penuntut lain yang tidak berkesempatan untuk ikut serta. — ASM.

Adual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 27hb hingga 30hb April, 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	MASA	TARIKH	HARI
Melayu Seras	10.00-10.30 pagi	27.4.1983	Rabu
Melayu Mentiri	10.45-11.15 "	27.4.1983	Rabu
Melayu Sultan Abdul Bubin,	11.30-12.00 T/Hari	27.4.1983	Rabu
Melayu A. Haji Mohd. Yusoff,	8.30- 9.30 pagi	30.4.1983	Sabtu
Melayu Jorudong	9.45-10.45 "	30.4.1983	Sabtu
Melayu Milaut	11.00-12.00 T/Hari	30.4.1983	Sabtu
Melayu Beras	1.30- 2.30 petang	30.4.1983	Sabtu
Melayu Kudang	2.45- 3.45 "	30.4.1983	Sabtu
Melayu Lamunan	4.00- 5.00 "	30.4.1983	Sabtu



Sebahagian dari penuntut-penuntut tersebut ketika mendengar taklimat mengenai dengan tugas-tugas Bahagian Penerangan.

SUKAN PELITA

Kejohanan:
Manaf Rahman

Tewas di pusingan kedua 4 — 1

HANYA SETAKAT
SUKU AKHIR SAJA

PERJALANAN pasukan kebangsaan untuk mengharungi ke pusingan seterusnya terbantut setakat suku akhir pusingan kedua saja.

Selangor berjaya menebus kekecewaan mereka dengan membelasah Brunei di Stadium Merdeka dengan jaringan 4 — 1 Gol tunggal Brunei dijaringkan sekali lagi oleh Zulkifli Anis.

Brunei hanya mampu bertahan 1 — 1 sehingga pengadil memberikan tendangan penalti setelah bola terkena tangan Ahmad Matarsad dan gol ini segera melumpuhkan semangat Brunei yang tidak ketentuan arah dan kesempatan ini diambil oleh Selangor dengan

tiga jaringan berturut melalui Razali Alias (menjaringkan gol pertama) dan Rajagopal.

Keseluruhan permainan yang dapat ditonton secara langsung itu memamerkan kecemerlangan Selangor dengan segala pengalaman dan kemahiran mereka di semua sudut untuk menguasai seluruh permainan.

Meskipun semangat dan azam para pemain dapat mengimbangi ketangkasan Selangor tapi itu hanya setakat dari jaringan penyamaan Zulkifli. Kematangan dan persefahaman serta kesedaran untuk menang serta sokongan 25,000 penonton yang membanjari terus menenggelamkan Brunei

tanpa dapat memberikan apa-apa tentangan.

Tidak terkira berapa peluang yang terlepas dari Selangor dari serangan mereka dan beberapa per-



Majidi dan Razak memberi tekanan ke kubu Selangor dan Santokh terpaksa bekerja keras menyelamatkan keadaan ketika pertemuan Brunei-Selangor di pusingan pertama suku akhir, dan diperhatikan oleh Zulkifli (12).

cubaan pasti mereka sering kali dapat diselamatkan oleh Ali yang bermain dengan begitu cemerlang sekali.

Sebelas kali tendangan sudut Selangor menampakkan betapa seriusnya mereka untuk mencapai kemenangan. Selepas mendahului dengan 2 — 1, Razali, Mokhtar, Hung Meng, Rajagopal dan Reduan terus menganas.

Ini ditambah dengan terkeluarnya Majidi dan

Kejohanan Piala Kol. Komando
bagi Polis dan Askar Wanita

PASUKAN Wanita Polis dan Askar Melayu Diraja akan bertanding dalam kejohanan olahraga dan menembak bagi merebut Piala Kolonel Komandan yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Kejohanan yang buat pertama kalinya diadakan itu akan menjadi temasya tahunan kedua

pasukan dan akan bermula 29hb April hingga Mei depan.

Ianya akan berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah dan padang Bolkliah Kem. Antara acara dipertandingkan termasuk berhalangan, bernang, badminton dan bola tampar tangkis, kawad, tarik kalar, lari berganti-ganti.



Zainuddin yang tercedera, Brunei terus bertahan dengan hanya sembilan orang menangkis asakan yang bertubi dari semua sudut itu.

Jaringan itu sepatutnya lebih dua kali ganda kalau tidak kerana kecuaiannya barisan penyerang Selangor sendiri serta ketahanan barisan pertahanan Brunei dan di pusingan itu Selangor benar-benar membuktikan 'keangkuhan' mereka dengan corak permainan yang benar-benar berbeza seperti yang dipertontonkan ketika bermain di sini.

Selangor memperoleh gol pertama di minit ke-17 bila bola terlepas dari Zainuddin dan dilarikan terus oleh Hung Meng yang memberikan kepada Razali Alias untuk membuat rembatan menewaskan Ali.

Bagaimanapun serangan balas Brunei memberikan tendangan sudut dan Zainuddin menghantar pendek kepada Aji Hj. Metali yang menandang tinggi untuk ditanduk oleh Jaafar ketengah dan disambung oleh tandukan Zulkifli dengan cantik bagi penyamaan.

Kemasukan Mokhtar menggantikan Zapril



ZULKIFLI Anis menjaringkan gol tunggal Brunei.

menambah sengat Selangor bila dalam keadaan kelam-kabut bola terkena tangan Ahmad dan pengadil memberikan penalti.

Mokhtar sekali lagi memainkan peranan untuk gol ketiga dan keempat bila mana bola dari Reduan terus dikuiskkan kepada Razali untuk gol ketiga.

Dalam keadaan yang masih kucar-kacir Mokhtar terus menganas membolehkan Rajagopal menyumbat gol keempat dua minit sebelum permainan tamat.

7 sepasukan
anjuran
Perkas

PERSATUAN Perkas Saba sekali lagi dianjurkan beberapa bolasepak bagi penduduk sekitar Kampung...

Kejohanan ini perlawanan bola-tahun kebawah 2 kebawah dan setakat tidak terhad) dan dipersyaratkan penduduk di Kampung...

Penduduk yang kawasan dari Kg. hingga Burong 3, Setia Baru, Kg. Kebun, Kg. Tanjong, Kg. Pemanca, Kg. Sultan Lama, Kg. biling Baru akan menyertainya.

Manakala pertandingan yang menang atau dari Kg. juga dijemput.

Semua kejohanan dibahagikan kepada kumpulan dan memasuki perlumbaan ialah \$25.00 kebawah \$20.00 kebawah \$15.00.

Borang pendaftaran didapati dan tidak lewat dan di depan, 30hb. April.

Awang Abu Kasim, Jabatan Belia dan Sukan, sad Pg. Damai, Perkhidmatan Letrik, Awang Ibrahim, Pejabat dan Awang Lamin, gal, Pejabat Undang-undang.

Takraw

KEJOHANAN takraw guru-kakitangan Jabatan anjuran akan bermula April jam 7.00 Dewan sekolah. Pasukan yang bil bahagian hadir untuk pembukaan. Pasukan tidak hadir akan kalah.

Ini adalah kedua dan bagi piala sumbangan Yaakub Pg. Othman.



Ali telah menunjukkan permainan yang cemerlang sekali.



PASUKAN Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom telah berjaya menjadi juara dalam kejohanan liga bolasepak Piala UMNO yang dianjurkan buat kali pertama oleh Kelab Umno di London.

Sebanyak lapan pasukan telah mengambil bahagian. Brunei,

Sabah, Sarawak, Indonesia, Malaysia Student Dept. (MSD), Mara Hostel, Malaysia High Comm. dan Umno.

Pasukan penuntut Brunei berjaya memenangi kesemua perlawanan dengan menumpaskan Indonesia 5 — 1, Mara Hostel 16 — 2, Malaysian High Comm. 8 — 1 dan membelasah

Sarawak dalam separuh akhir dengan jaringan 6 — 2 dan Sabah (ssu) dalam pertandingan akhir 5 — 0.

Barisan pemain yang mewakili pasukan penuntut Brunei di United Kingdom yang menjuarai Piala Umno. — Kiriman Awang Damit Alias, gambar oleh Rabaec.

ELITA BRUNEI, Hari Rabu 27hb April, 1983.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Radio dan Televisyen, Brunei.

PENGURUS PENTAS:

C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman. Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Kelulusan 5 Melayu atau Inggeris, sebaik-sebaiknya mempunyai kelulusan 3 mata pelajaran 'O' atau yang sebanding. Mestilah fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, mempunyai fikiran yang cergas dan berkeupayaan untuk menyampaikan arahan-arahan dalam kedua-dua bahasa. Mengetahui yang luas dalam peraturan penerbitan dan mempunyai minat dalam drama dan hiburan pada umumnya adalah diperlukan. Mempunyai watak yang tegas dan berapi sedia.

Tugas-tugas: Bertanggungjawab kepada Pengarah/Penerbit rancangan. Mengarah pergerakan di pentas studio semasa latihan kamera dan rakaman seperti yang diarahkan oleh penerbit, memberi arahan dan isyarat kepada penyumbang-penyumbang dan artis-artis. Memastikan artis-artis hadir mengikut masa yang telah ditetapkan dan memakai pakaian dan bersolek seperti yang ditentukan. Bertanggungjawab untuk mengawal dan menjadi pengarah kepada penghubung di antara pentas dan Pengarah/Penerbit.

PENGLOLA RANCANGAN (BAHAGIAN MELAYU): C. 2-3 EB. 4 — \$1260-2280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman. Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Pemegang Higher National Diploma dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman di Radio. Kebolehan yang terbukti dalam penerbitan dan penyampaian Radio.

Tugas-tugas: Membantu Pengelola Rancangan Kanan dan memangkunya dalam semua tugas-tugasnya. Tanggungjawab yang luas untuk pengurusan kakitangan dan penyusunan tugas-tugas, bagi penyampaian dan perancangan Perkhidmatan Melayu. Juga bertanggungjawab bagi memastikan sistem bantuan yang benar-benar dapat diharapkan misalnya pita-pita dan piring-piring hitam, yang sedia ada di studio setiap hari untuk pemancaran. Menggerakkan daya keluaran harian Rancangan-rancangan Melayu dan aduan-aduan serta menyuarakan pembaikan-pembaikan kepada Pengelola Rancangan Kanan. Bersama-sama Pengelola Kanan, menguruskan pengambilan bakat-bakat baru.

PENULIS SKRIP (RADIO):

C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Kelulusan 5 Melayu atau Inggeris dengan 3 kelulusan peringkat 'O'. Mempunyai pengalaman dalam menulis skrip-skrup untuk televisyen atau radio diperlukan dan pengetahuan dalam teknik-teknik penerbitan TV dan Radio. (Contoh-contoh skrip yang ditulis oleh calon mestilah disertakan).

Mestilah mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu yang cukup baik. Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

Calon-calon yang mempunyai hasil tidak kurang daripada 6 karya drama yang telah disiarkan di radio dan televisyen dan yang mana hasil-hasil karya mereka didapati mencapai taraf yang diiktiraf bermutu tinggi tanpa mengandungi kelayakan akademik boleh juga dipertimbangkan. Kebolehan menaip dengan cekap adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas: Menyediakan dan, jika perlu, menulis semula skrip-skrup yang disediakan untuk TV Brunei atau Bahagian Melayu Radio Brunei dari penyumbang-penyumbang luar. Juga menyumbang skrip-skrup asal untuk drama, rancangan-rancangan penceritaan atau majalah. Menulis bahan-bahan untuk penerbitan dan kemajuan rancangan-rancangan.

PENOLONG ALIHUSARA:

D. 3-4 EB. 5 — \$720-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Sebaik-sebaiknya dari Aliran Inggeris. Mesti mempunyai kelulusan peringkat biasa dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Fasih dalam Bahasa Inggeris dan Melayu (menulis dan bertutur). Kebolehan menaip dengan cekap dan kebolehan mengorganisasikan satu kelebihan. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penerbitan dan penyiaran adalah diperlukan.

Tugas-tugas: Bertanggungjawab kepada Penyelia Alihuarsa. Membantu Penyelia Alihuarsa dalam menjalankan tugas-tugas umumnya yang berkaitan dengan Alihuarsa Rancangan-rancangan. Membantu Penyelia Alihuarsa di Studio, menaip skrip-skrup dan lain-lain seperti yang diarahkan oleh Penyelia Alihuarsa.

PENYELIA HARTABENDA:

D. 3-4 EB. 5 — \$720-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Sekurang-kurangnya berumur 25 tahun dan lulus peringkat 'O' atau yang sebanding. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penerbitan dan penyiaran adalah diperlukan.

PELUKIS GRAFIK:

C. 2-3 EB. 4 — \$1260-2280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: Diploma in Art and Design atau Diploma AD atau National Diploma atau College Diploma. Calon-calon mestilah mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang typography dan "display process of reproduction" dan teknik-teknik lukisan grafik dan teknik-teknik seni-foto.

Tugas-tugas: Calon-calon yang dipilih akan membuat kerja-kerja berkaitan dengan semua rancangan TV, animasi, commercials dan lain-lain. Calon-calon mestilah bersedia bertugas

siang dan malam, Jumaat-Ahad dan membuat kerja-kerja bila ditugaskan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuar dan sijil-sijil tidak lewat dari 12hb Mei, 1983.

(E/945/74) (Bil: 84/1983)



PEMOHON-permohon adalah dipelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengisi kerja-kerja kosong seperti berikut:

JURULETRIK

Mempunyai pengetahuan asas dalam bahagian letrik dan kerja-kerja membaiki alat penyejuk. Mempunyai lesen memadu kelas tiga dan boleh bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji dalam lingkungan \$485-\$750 sebulan.

PENOLONG PERBENDAHAN

Pemohon mestilah mempunyai pengalaman yang banyak dalam kerja-kerja kerani sebaik-baiknya dalam bidang pemeliharaan. Mempunyai lesen memandu kelas tiga dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji dalam lingkungan \$625-\$960 sebulan.

Di samping gaji pokok kemudahan-kemudahan seperti tambang murah, tambang percuma, bonus skim, cuti tahunan dan lain-lain kemudahan penerbangan juga akan diberikan.

Pemohonan mestilah dibuat secara bertulis dengan menyatakan butir-butir keterangan pemohon dan mengemukakan salinan-salinan sijil kelayakan yang sah dan mestilah dialamatkan kepada:

Penolong Pengurus Kakitangan Bahagian Pengambilan Penerbangan Diraja Brunei
Peti Surat 737
Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar tidak lewat dari 6hb. Mei, 1983.

TAWARAN JKR KUALA BELAIT

SERIAL No. KB.34/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'A' sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Mei, 1983 bagi:

CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK 3 TINGKAT 12 UNIT KELAS E DAN 1 BLOK 3 TINGKAT 6 UNIT KELAS F BAGI SEKOLAH MELAYU PANAGA, SERIA, DAERAH BELAIT.

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB.35/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'B' sahaja dan ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Mei, 1983 bagi:

PEMBINAAN SATU BLOK KELAS F PERUMAHAN PEGAWAI RENDAH UNTUK BIDAN DI KAMPUNG LUMUT.

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB.36/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'B' sahaja dan ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Mei, 1983 bagi:

PEMBINAAN SATU BLOK KELAS F PERUMAHAN PEGAWAI RENDAH UNTUK PERTANIAN DI LABI.

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat

dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB.37/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'B' sahaja dan ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Mei, 1983 bagi:

PEMBINAAN JALAN RAYA KONKRET DAN PAGAR KESELAMATAN UNTUK SEKOLAH AGAMA SERIA.

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB.38/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'AX' sahaja dan ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 2hb Mei, 1983 bagi:

PEMBINAAN LONG-KANG R.C. SEPANJANG JALAN SERIA/BELAIT (PERINGKAT IV).

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB.39/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor-kontraktor Kelas 'C' sahaja dan ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Mei, 1983 bagi:

MEMBEKALKAN 35 SET PERABOT SELANGAN BATU (KELAS III) BARIK BARU APO DI LUMUT.

Surat-surat keterangan serta butir-butir lain boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT — TENDER NOTICES

TENDER No. 33/1983

RUNNING CONTRACT FOR THE SUPPLY OF MARINE PAINT — CHUGOKU FOR TWO YEARS.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Brochures/Catalogues to Procurement Office, Logistics Depot, Berakas Garrison by 19th May 1983.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 16th May 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

6. Deposit of \$300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderer.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 34/1983

SUPPLY OF SPARE PARTS FOR HOLDEN CARS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated June, 1983 are to apply.

3. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot, Berakas Gar-

ison by 27th. May, 1983. 3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 23rd May 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 35/1983

SUPPLY OF MILITARY FOOT WEAR TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb. 1983 are to apply

2. Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Camp by 27th May 1983.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 23rd May, 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. Deposit of \$300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JABATAN PERPINDAHAN BRUNEI SEWAGE TREATMENT PLANT, RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Jabatan Kewangan Negara, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong-pemborong Kelas 'AX' sehingga hari Isnin 16hb Mei 1983, jam 12.00 tengah hari bagi:

SEWAGE TREATMENT PLANT, RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, BRUNEI.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, Jabatan Perbandaraan, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei

dan mestilah ditanda seperti berikut:

SEWAGE TREATMENT PLANT, RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:

Jabatan Perpindahan, C9, Jalan Dato Isa, Bandar Seri Begawan,

Brunei mulai dari hari Rabu 20hb April 1983 sehingga hari Selasa 12hb Mei 1983, jam 4.00 petang.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melitihatkan perkara-perkara yang berikut:—

a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di dalam Jabatan Kerja Raya dalam Kelas 'AX'.

b) Surat akuan dari bank bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan bankers guarantee sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA

DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I:

(Jabatan Kerja Raya).
F. 4-5 EB.6 — \$490-\$620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya empat tahun perkhidmatan yang diakui sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II.
- Mestilah mempunyai pengetahuan yang luas terhadap perayeran Pelabohan Muara dan Sungai Brunei serta Sungai Temburong.
- Mestilah lulus satu Peperiksaan Ujian Kecekapan yang akan diadakan bagi Pemandu Motor Sangkut Tingkat I.

2. A. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II:

(Jabatan Kerja Raya).
F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

B. PEMANDU MOTOR SANGKUT:

(Pejabat Tanah bagi Daerah Temburong).

F. 2-3-4 TB. 5 — \$390-\$560 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.
- Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang dari 220 la cara bebas.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya selama dua tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Selaku Pemandu Motor Sangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang dan barang-barang; pengirisan surat atau terlibat di dalam perkhidmatan memandu atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar-luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam negeri.

3. PEMANDU OUTBOARD: (Pejabat Daerah Belait).

F. 2-3-4 EB. 5 — \$390-\$560 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
- Mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan selok-belok Sungai Belait.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
- Mempunyai pengetahuan membaiki kerosakan-kerosakan kecil enjin Motor Sangkut 40 kuda (H.P.).
- Mengetahui kedudukan kampung-kampung pendalaman satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas dan bermalam di kampung-kampung pendalaman Ulu Belait Belait.

4. PEMANDU OUTBOARD: (Jabatan Perikanan).

F. 2-3-4 EB. 6 — \$390-\$620 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil bagi jentera outboard.

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera Jabatan dan juga bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan injinj dan mestilah bersedia menjalankan tugas-tugas di luar waktu-waktu bekerja.

5. OPERETER (TELEFON): (Askar Melayu Diraja Brunei).

F. 1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan Sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam negeri.

6. PEMBANTU BENGKEL-BENGKEL: (Askar Melayu Diraja Brunei).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran.
- Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
- Mempunyai pengalaman dalam Metalwork atau Woodwork sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

Am:

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Bengkel Pusat Pengajian, Bolkiah Kem.

7. TUKANG PELAN: (Jabatan Telekom).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Empat tahun pengalaman dalam hal ehwal melukis pelan di Jabatan-jabatan Kerajaan atau Pejabat-pejabat Arkitek/Jurutera.

c) Mestilah terdiri dari seorang Tukang Pelan yang kemahiran, teliti dan pantas, serta boleh menyelia pelan yang lengkap bagi kerjaya kejuruteraan telekom.

d) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam hal ehwal melukis pelan.

8. KETUA PEMBANTU TEKNIK: (Jabatan Pertanian).

C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya pemegang Higher National Diploma yang diiktiraf atau yang sebanding dengannya dalam bidang Kejuruteraan Pertanian atau Mekanik.

ATAU

Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah memegang jawatan Pembantu Teknik Kanan atau sebanding dengannya tidak kurang dari 6 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam hal-hal kerja pemeliharaan mesin atau jentera serta berkebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas-tugas mereka akan juga dipertimbangkan. Pengalaman praktikal yang luas mengenai kawalan kakitangan adalah merupakan satu kelebihan.

9. PEMBANTU HAIWAN: (Jabatan Pertanian).

D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

Telah memperolehi latihan dibidang teknik kehewanan dan juga pengendalian binatang-binatang ternakan di Maktab yang diiktiraf. Kelulusan dalam sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran yang satu daripada mata pelajaran Sains (peringkat 'O' level) serta fasih dan mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris adalah satu kelebihan.

Berkhidmat tidak kurang dari 4 tahun di Klinik Haiwan dan mempunyai pengalaman dalam pengendalian binatang-binatang ternakan.

10. PEMBANTU TEKNIK KANAN: (Jabatan Pertanian).

C. 2 EB. 3 — \$1260-\$1980 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon dijangka hendaklah mempunyai sesuatu kelulusan teknikal yang sebanding dengan kelulusan kejuruteraan pertanian atau bidang yang sama di peringkat Diploma Kebangsaan Biasa (OND). Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai tidak kurang lima tahun pengalaman yang luas dalam bidang mekanik dan boleh memperbaiki alat-alat jentera dan kenderaan pertanian tanpa pengawasan boleh juga dipertimbangkan.

11. PEMERIKSA LUAR PERTANIAN:

(Jabatan Pertanian).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau pelajaran Sain.

b) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Pengembangan bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun dan pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam perkhidmatan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan juga dipertimbangkan.

c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

12. PEMBANTU PERTANIAN RENDAH:

(Jabatan Pertanian).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau pelajaran Sain. Mereka yang mempunyai Sijil Pertanian daripada Yayasan Pertanian yang diiktiraf adalah satu kelebihan.

b) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Pengembangan bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun dan pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam perkhidmatan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan juga dipertimbangkan.

c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah mengahantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji tidak lewat dari 12hb Mei, 1983.

(E/1469/81) (Bilangan: 80/1983)



PEMBERITAHUAN TAWARA PEJABAT PERKHIDMATAN LETRIK

TAWARAN BIL. 38/1083

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 27hb Mei 1983 bagi membekalkan barang yang tersebut di bawah:

TAWARAN UNTUK PEMBEKALAN SUPER-SHEEN GARLANDS YANG BERANEKA CORAK UNTUK KE-GUNAAN PERAYAAN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati oleh Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Penerangan akan diadakan untuk semua pemborong-pemborong yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini pada 23hb April, 1983 jam 9.00 pagi di Bilik Persidangan, di Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah \$100.00.

TAWARAN BIL. 39/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 27hb Mei 1983 bagi membekalkan barang yang tersebut di bawah:

TAWARAN UNTUK PEMBEKALAN PERHIASAN PLASTIK-BERCETAK (MOULDED-PLASTIC DECORATION) UNTUK KEGUNAAN

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL: (2) 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan-pentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada masa-masa bekerja.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurut sampil surat hendaklah dibubuh perkataan-perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP, BIL: (2) 1982.

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara, di Tingkat Bawah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran, d/a Jabatan Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 30hb Mei 1983.

4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

PERAYAAN

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati oleh Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Penerangan akan diadakan untuk semua pemborong-pemborong yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini pada 23hb April, 1983 jam 9.00 pagi di Bilik Persidangan, di Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah \$100.00.

TAWARAN BIL. 40/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 27hb Mei 1983 bagi membekalkan barang yang tersebut di bawah:

TAWARAN UNTUK PEMBEKALAN LAMPU BERWANGI "PYGMY" 24

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati oleh Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Penerangan akan diadakan untuk semua pemborong-pemborong yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini pada 23hb April, 1983 jam 9.00 pagi di Bilik Persidangan, di Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah \$100.00.

TAWARAN BIL. 41/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 27hb Mei 1983 bagi membekalkan barang yang tersebut di bawah:

TAWARAN UNTUK PEMBEKALAN LAMPU PESTA HALUS UNTUK KE-GUNAAN LUAR

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati oleh Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Penerangan akan diadakan untuk semua pemborong-pemborong yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini pada 23hb April, 1983 jam 9.00 pagi di Bilik Persidangan, di Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah \$100.00.

TAWARAN BIL. 42/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 30hb Mei 1983 bagi membekalkan barang berikut untuk Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah \$100.00.

Royal Brunei Police Force—Tender Notice

No. 45/1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 23rd May

1983.

SUPPLY OF LAND ROVER SPARE PARTS.

2. Tender documents can be obtained from Staff Officer 'C' Police Headquarters, Gadong.

3. Tenders must be placed in plain sealed envelope and must be addressed to the

Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NO. 45/1983 SUPPLY OF LAND ROVER SPARE PARTS".

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Ketua Pembantu Teknik

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK Jabatan Perpindahan, Brunei.

C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580
Gaji permulaan berbanding kepada kelayakan dan pengalaman.

Calon-calon yang mempunyai sekurang-kurangnya Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih daripada lapangan-lapangan yang berikut:—
Kejuruteraan Awam, Kerja-karya Bangunan,

Ukur Bahan, Kerja-karya Parit, Konkrit Pailing dan Pembinaan.

ATAU

Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di atas tetapi telah memegang jawatan Pembantu Teknik kanan tidak kurang 6 tahun dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dalam lapangan-lapangan yang diuraikan di (b) di atas akan juga dipertimbangkan.

Syarat-syarat Lantikan :

Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran, cuti bergaji, bantuan perumahan dan pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk

membeli kereta. Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama.

Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perawatan, Jabatan Perawatan, Brunei.

Tarikh Tutup: 7hb Mei, 1983.

(Bil: 69/1983)

(E/548/77)

Sebagai Ketua Penterjemah di Jabatan SUK

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai KETUA PENTERJEMAH di Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Tangga Gaji :

C. 3-4 EB. 5 — BS1735-BS2580 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :

a) Mempunyai kelulusan Ijazah atau Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang penterjemah; atau

c) Mempunyai kelulusan kepujian peringkat 'O' dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang-kurangnya 15 tahun.

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang memiliki atau menunjukkan bakat serta kebolehan sebagai Ketua yang dapat memberi tunjukkan serta bimbingan dan bertanggungjawab mengenai seluk-beluk penterjemahan kepada kakitangan di bawah jagaannya.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

